

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
ROSLAN BIN MADUN  
DENGARKAN DENDANGAN SYAIRKU

OLEH:

NUR ALYA AZRA BINTI ZUMADI

2022786029

WAN MOHAMAD AIMAN BIN WAN MOHAMAD NAZRI

2022970295

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2023 – OGOS 2023)

# **PENGHARGAAN**

## **PENGHARGAAN**

Assalamualaikum w.b.t. Terlebih dahulu kami ingin panjatkan rasa syukur kepada Allah Yang Maha Esa, Allah S.W.T kerana di atas limpah dan kurniaNya, maka dapat kami dengan jayanya menyiapkan kajian sejarah lisan walaupun mengharungi pelbagai onak duri dan halangan. Syukur Alhamdulillah.

Di kesempatan ini, kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Puan Nurulanissa Binti Abdullah selaku pensyarah kami bagi subjek IMR604 iaitu “Oral Documentation”. Terima kasih diucapkan diatas bimbingan, nasihat, kesabaran dan bimbingan yang diberikan yang telah banyak membantu kepada kejayaan dalam penghasilan transkrip ini. Segala jasa beliau telah mendorong kami untuk menjadi penyelidik dan pendidik yang berkaliber.

Seterusnya, kami ingin berterima kasih kepada Encik Roslan Madun kerana telah memberi kerjasama yang sangat baik dan meluangkan masa sepanjang temu bual kami. Menerusi temu bual tersebut, beliau telah berkongsi banyak ilmu berkenaan dengan seni syair serta pengalaman hidup beliau kepada kami bagi menyiapkan kajian ini dengan jayanya.

Disamping itu, kami juga ingin berterima kasih kepada kedua ibu bapa dan juga keluarga kerana telah mendorong kami bagi menyempurnakan kajian ini. Mereka telah memberikan kami sokongan moral yang tidak dapat dihitng sehingga kami berjaya menyiapkan tugas ini. Jutaan terima kasih juga kepada rakan – rakan seperjuangan yang turut serta dalam membantu serta bertukar – tukar idea dalam menyiapkan kajian ini.

Akhir sekali, besarlah harapan kami agar kajian yang kami hasilkan ini dapat menambahkan ilmu pengetahuan sekaligus dapat memberi manfaat dan kebaikan kepada diri sendiri terutamanya kepada pembaca.

# **ABSTRAK**

## ABSTRAK

**Abstrak:** *Kajian ini merupakan temu bual bersama Roslan Madun yang merupakan seorang pendendang syair terkenal. Temu bual ini telah dijalankan di Universiti Malaysia Pahang, Gambang, Kuantan, Pahang. Tarikh temubual tersebut adalah pada 16 Jun 2023 bermula jam 9.30 pagi hingga 11.30 pagi. Roslan Madun mula bergiat aktif dalam bidang seni syair ini dari 1987 sehingga 2023. Roslan Madun tidak hanya menceburi dalam bidang nyanyian, lakonan, penulisan kreatif, wartawan tetapi juga berkhidmat sebagai felo perunding di UMP Gambang. Pelbagai halangan dan cabaran yang telah dihadapi oleh Roslan Madun semasa berkhidmat sebagai pendendang syair. Sejarah kehidupan dan kerjaya beliau dapat dijadikan sumber inspirasi kepada semua lapisan masyarakat.*

**Kata kunci:** *Roslan Madun, pendendang syair, syair, kesenian, puisi tradisional.*

## ABSTRACT

**Abstract:** *This study is an interview with Roslan Madun who is a famous poet. This interview was conducted at Universiti Malaysia Pahang, Gambang, Kuantan, Pahang. The interview date is on 16<sup>th</sup> June 2023 from 9.30 a.m. to 11.30 a.m. Roslan Madun began to be active in the field of poetry from 1987 until 2023. Roslan Madun not only ventured into the field of singing, acting, creative writing, journalist but also served as a consulting fellow at UMP Gambang. Various obstacles and challenges that Roslan Madun has faced while serving as a poet. The history of his life and career can be used as a source of inspiration for all levels of society.*

**Keyword:** *Roslan Madun, singer of poetry, poetry, art, traditional poetry.*

# **ISI KANDUNGAN**

# ISI KANDUNGAN

<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Penghargaan.....	i
Abstrak.....	iv
Isi Kandungan.....	vi
Biodata Tokoh.....	viii
Pengenalan.....	x
Transkrip	
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....	02
Bahagian 2: Latar Belakang Pendidikan.....	11
Bahagian 3: Pengalaman Kerjaya.....	18
Bahagian 4: Sumbangan atau Cabaran.....	51
Bahagian 5: Harapan.....	58
Lampiran	
Log Wawancara.....	67
Diari Kajian.....	73
Senarai soalan.....	74
Surat Perjanjian.....	82
Lampiran Gambar.....	83
Sijil penghargaan.....	88
Indeks.....	92



# **BIODATA TOKOH**

## BIODATA TOKOH



**Nama Penuh:** Roslan Bin Madun

**Nama Samaran:** Roslan Madun

**Tarikh Lahir:**

**Tempat Lahir:** Bera, Pahang

**Alamat:** Semenyih, Selangor

**No. Telefon:**

**Emel:**

**Profesion:** Penyair, penyanyi, pengarah filem

**Bidang:** Seni budaya

# **PENGENALAN**

## **PENGENALAN**

Transkrip temubual ini berkisarkan tentang tokoh seni dalam bidang syair dan nyanyian iaitu Roslan Bin Madun atau lebih dikenali sebagai Roslan Madun. Temubual ini telah dijalankan pada 16 Jun 2023 di Universiti Malaysia Pahang, Gambang, Kuantan, Pahang di pejabat Roslan Madun itu sendiri pada jam 9.30 pagi hingga 11.30 pagi. Beliau cukup terkenal dalam industri seni syair ini. Roslan Madun telah dilahirkan di Kampung Tok Tangguk Durian Tawar, Bera, Pahang pada sekitar tahun 1952. Roslan Madun merupakan antara tokoh – tokoh yang termasyhur dengan puisi tradisional dan lagu rakyat.

Transkrip temubual ini dijalankan selama satu jam tiga puluh minit. Justeru itu, temubual ini dipecahkan kepada lima bahagian iaitu Latar Belakang Tokoh, Latar Belakang Pendidikan, Pengalaman Kerjaya, Sumbangan atau Cabaran dan bahagian terakhir iaitu mengenai Harapan.

Sedikit ringkasan mengenai biografi atau latar belakang Roslan Madun, beliau digelar sebagai Raja Syair Nusantara. Selain dalam bidang syair, beliau turut pernah menceburi diri dalam bidang lain iaitu nyanyian, lakonan, penulisan karangkraf, wartawan dan sekarang menyandang jawatan sebagai Felo Perunding di UMP Gambang, Kuantan, Pahang.

Menurut kamus Bahasa Melayu (Dewan Bahasa Dan Pustaka), perkataan syair boleh ditafsirkan sebagai karangan bersajak (tiap – tiap rangkap terdiri daripada empat baris yg sama bunyi hujungnya). Selain itu, penyair boleh ditafsirkan sebagai tokoh ataupun orang hebat dalam bidang puisi, dalam konteks sajak. Manakala penyair atau lebih tepatnya pendendang syair ialah khusus untuk puisi tradisional. Pada mulanya diperkenalkan oleh Raja Ali Haji pada tahun 1846 melalui karya Gurindam Dua Belas. Pada awalnya, ia sekadar disampaikan melalui kaedah pembacaan bersahaja yang dimana kemudiannya berkembang dan wujudnya kaedah kaedah pembacaan yang berbeza. Sebagai contoh, pembacaan berlagu dan melodi.

Syair adalah didendangkan berdasarkan melodi – melodi tertentu. Antara beberapa melodi yang sering digunapakai ialah melodi Gurindam Bangsawan serta melodi Selendang Delima. Melodi Selendang Delima merupakan melodi yang dipercayai pada mulanya dicipta khas untuk persembahan Bangsawan dan dipercayai dicipta oleh kumpulan Bangsawan terkemuka sekitar tahun 1940-an, iaitu Tjah Dean Opera. Melodi ini kemudiannya digunapakai di luar persembahan bangsawan seperti contoh pembacaan syair – syair Melayu. Seni syair dilihat semakin mendapat tempat dalam kalangan masyarakat moden. Seni yang pada dahulunya sekadar menjadi amalan orang – orang tua kini semakin mendapat perhatian orang ramai. Tambahan pula, seni puisi tradisional juga merupakan sebahagian daripada silibus pelajaran di tahap sekolah.

# TRANSKRIP

# TRANSKRIP

Rakaman ini berkisahkan tentang pencarian maklumat Roslan Madun untuk lebih mengenalinya. Rakaman ini untuk mengenali Roslan Madun dengan lebih mendalam mengenai latar belakang, latar belakang pendidikan, pengalaman kerjaya, sumbangan atau cabaran dan harapan. Berikut adalah hasil rakaman.

Petunjuk:

RM: Roslan Madun

NAA: Nur Alya Azra

WMA: Wan Mohamad Aiman

## BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

**WMA** : Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang syair dan nyanyian. Bersama – sama kami ialah Encik Roslan Madun yang merupakan seorang penyair dari tahun *sembilan belas lapan puluh tujuh* [1987] sehingga *dua ribu dua puluh tiga* [2023]. Rakaman ini dijalankan pada tarikh *enam belas* [16] Jun *dua ribu dua puluh tiga* [2023] bersamaan dengan hari Jumaat pada pukul *sembilan tiga puluh* [9.30] pagi bertempat di Universiti Malaysia Pahang, Gambang, Kuantan, Pahang. Temubual ini dikendalikan oleh Nur Alya Azra Binti Zumadi dan Wan Mohamad Aiman Bin Wan Mohamad Nazri. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.

**WMA : *Okay* [baik] Encik, ini soalan mengenai latar Belakang. Boleh *tak* [tidak] kami tahu nama penuh Encik?**

RM : (Ketawa) Nama penuh saya memang nama yang pernah disebutlah Roslan Madun lah. Roslan, tapi saya suka mencantumkan nama ayah saya jadi Roslan Madun. Madun tu nama ayah saya. Haji sebenarnya dia haji tahu, Roslan Madun.

**WMA : *Okay* [baik] soalan kedua, adakah Encik mempunyai nama gelaran?**

RM : *Takde* [tidak ada].

WMA : Memang *tak* [tiada]?

RM : *Takde* [Tidak ada] walaupun diawal – awal dulu *bila* [apabila] saya mula – mula saya mencari nama – nama pena kan. Tapi nama tu tak kekal lah, haa [tanda setuju] tak kekal. Ada lah keluar beberapa artikel dengan nama pena tapi akhirnya tak kekal, saya gunakan nama saya betul lah.

**WMA : Boleh Encik bagi contoh yang nama pena *tu* [itu]?**

RM : Oh gelaran, kalau nama pena *tu* [itu] banyak nama dia.

WMA : Haa [tanda setuju] bagi contoh *sikit* [sedikit] pun *takpe* [tidak mengapa]



RM : Aaa saya pernah menggunakan nama Budi, Budi Hayati. Saya pernah menggunakan nama apa *tu* [itu] (berfikir) Sayalah RM - tak ingatlah banyaklah banyak. Tapi saya *dah* [sudah] lupakan dah sebab saya fikir nama saya *tu* [itu] *dah* [sudah] diberi cantik oleh mak ayah saya. Kenapa (ketawa) saya nak cari nama lain kan?

NAA : Betul.

**WMA : *Okay* [baiklah] seterusnya, boleh kami tahu berapa umur Encik?**

RM : Umur saya sekarang, *tujuh puluh* [70] tahun. Bulan Julai ini akan jadi *tujuh puluh satu* [71] lah, bulan depan lah kan.

WMA : *Okay okay* [baiklah].

RM : Bulan depan lah kan.

**WMA : Dimana tempat Encik lahir?**

RM : Spesifiknya saya lahir di Kampung - nama kampung *tu* [itu] Tok Tangguk Durian Tawar. Dalam daerah Bera, Pahang. Tok Tangguk *tu* [itu] kalau untuk sedikit sejarah lah dulu yang saya faham ada beberapa tokoh – tokoh yang akan digelar sebagai “Tok” kan. Tok Tangguk, Tok Lanjut, Tok Biyah, Tok apa lagi? Tok *tu* [itu] macam seorang tokoh lah sebagai contohnya kalau di Pekan *tu* [itu] ada nama Tok Tuan, Tok Tuan *tulah* [itulah] yang mengasaskan tenun Pahang. Macam Tok Tangguk *ni* [ini] kalau *tak* [tidak] silap saya seorang pendekar *tak*

[tidak] silap saya saya tak tahu sangat tapi daripada cerita lisan lah kan ada tok yang dia menjadi apa - ulamak kan. Itu adalah gelaran orang – orang *dulu* [dahulu] lah. Jadi, tempat kampung saya *tu* [itu] kecil *je* [sahaja] jadi kampung *tu* [itu] nama Tok Tangguk (mengangguk) dalam *IC* [kad pengenalan] pun Tok Tangguk lah.

**WMA : Memang adakah Encik membesar sepenuhnya di Pahang?**

RM : *Okay* [baiklah] ya saya membesar di Kampung Tok Tangguk *tu* [itu] saya bersekolah rendah disitu sampai darjah *enam* [6] lah. Kemudian saya --- sebab ayah dengan mak saya *ni* [ini] dah berpisah. Jadi selepas darjah *enam* [6], saya pergi ke kampung ayah saya di Raub, Pahang. Nama kampung *tu* [itu] Kampung Ulu Dong, Raub, Pahang. Pamah Rawas Ulu Dong Raub Pahang, masih ada kampung *tu* [itu]. Jadi saya sambung belajar sekolah agama sebab ayah saya pun guru agama guru besar sekolah mula – mula sekolah rakyat kemudian sambung sekolah kerajaan lah. Jadi kemudian saya membesar di dua tempat lah di Temerloh dengan Raub Pahang lah macam *tu* [itu] lah. Kemudian selepas Raub *tu* [itu] saya balik semula ke Temerloh saya sambung - saya mengaji pondok pula dekat Kampung Pangsanam. Kampung Pangsanam *ni* [ini] dari Temerloh dalam *enam* [6] kilometer *tak* [tidak] silap saya dan sekolah agama rakyat *tu* [itu] masih ada sampai sekarang lah. Dia - kami mengaji pondok tapi ada *jugak* [juga] sekolah agama *kat* [dekat] situ. Jadi mengaji pondok *ni* [ini] maksudnya

siang belajar dekat sekolah *tu* [itu], sekolah rakyat *tu* [itu] malam kita belajar dekat madrasah haa macam *tu* [itu] (mengangguk). Tok guru saya masa *tu* [itu] tok guru Haji Abdul Rahman, tapi *dah* [sudah] takde [tiada] dah, *dah* [sudah] meninggal dah.

**WMA : Soalan seterusnya, bilakah Encik dilahirkan? Tarikh lahir Encik.**

RM : Dua *puluh* [20] hari bulan Julai *sembilan belas lima puluh dua* [1952].

**WMA : *Okay*, [baiklah] siapakah nama ayah Encik?**

RM : Nama ayah saya Haji Madun Bin Haji Syukor. Ayah saya *ni* [ini] kalau ikutkan dia berasal dari Segamat, Johor. Jadi dia merantau ke Pahang, ke Kampung Tok Tangguk *tu* [itu] berkahwin dengan mak saya dia mendirikan madrasah *kat* [dekat] situ mengajar agama. Maka kahwin *tu* [itu] lahir lah saya *kat* [dekat] situ. Dia spesifik dia Buluh Kasap, Segamat Johor. Dia dari situlah tapi keturunannya kalau megikut kajian saudara – mara saya lah, saya *tak* [tidak] buat kajian salah – silah pun - berasal daripada Sumatera lah sebab ketika itu ramai sekali orang – orang agama *ni* [ini] daripada Sumatera kan. Tapi saya *tak* [tidak] menyiasat susur galur *tu* [itu]. Tak silap saya kalau ikut kajian *diorang* [mereka] *tu* [itu] saya *dah* [sudah] lupa rasa dia daripada keturunan Bugis tak silap saya lah macam *tu* [itu] lah, tok – tok saya kan.

**WMA : Siapakah nama ibu Encik?**

RM : Mak saya nama dia Siti Binti Badur. Dia memang orang Kampung Tok Tangguk lah.

**WMA : Kemudian, berapakah bilangan adik – beradik Encik?**

RM : Adik – beradik *satu* [1] mak *satu* [1] ayah, *lima* [5] orang. Yang pertama nama dia Hamilah, yang kedua nama dia --- *Nak nak* [hendak] *ke* [kah]? Perlu *ke* [kah] *tu* [itu]?

NAA : Boleh boleh.

WMA : *Takpe* [tak mengapa] boleh *je* [sahaja].

RM : Tapi kalau --- *takyah* [tak payah] lah *lima* [5] beradik *saja* [sahaja].

**WMA : Encik anak ke berapa?**

RM : Saya anak bongsu dalam yang *lima* [5] adik beradik tadi *tu* [itu].

**WMA : Adakah Encik sudah berkahwin dan mempunyai keluarga?**

RM : (Ketawa) *Dah* [Sudah] kahwin dah. Saya ada *tiga* [3] orang anak dan *lapan* [8]

orang cucu. *Lapan* [8] cucu *tu* [itu] daripada *tiga* [3] anak *tula* [itulah].

**WMA : Kemudian, siapakah nama penuh isteri Encik?**

RM : Isteri yang sekarang? (ketawa). Nak isteri yang mana *ni* [ini]? Saya banyak isteri. Tapi banyak *tu* [itu] bukanlah sekali gus. Isteri saya yang sekarang Aminah Binti Mokhtar, seorang novelis. Kena sebut sekarang *tau* [tahu] jangan - sebabnya sejarah saya, saya ada pernah kahwin dengan orang lain. Sebab anak - anak saya *tu* [itu] daripada ibu yang lain. Maksudnya dalam catatan *tu* [itu] "isteri Roslan Madun sekarang" kan. Orang faham lah *kang* [nanti] kecil hati pula yang pernah jadi isteri saya (ketawa) tak sebut nama dia kan.

**WMA : Siapakah idola yang Encik minat?**

RM : Uiyoo (terkejut) idola dalam bidang apa *ni* [ini]?

WMA : Idola dalam bidang syair lah.

RM : Tak tahulah saya *takde* [tiada] idola sebenarnya.

NAA : Ataupun meluas.

WMA : Ataupun meluas pun *tak apa* [tidak mengapa], mungkin bidang nyanyian.

RM : Oh ya ke ?

WMA : Haa (setuju).

RM : Saya kalau nak tanya idola saya, saya idola saya Mohammed Rafi. Penyanyi

Hindustan *dah* [sudah] meninggal *dah* [sudah] *takde* [tiada] dah. Mohammed Rafi itu idola saya. Kalau nak ikutkan idola dalam bidang seni saya suka menyanyi kan - dia penyanyi. *Google* [cari] lah Mohammed Rafi memang dia *lejen* [lagenda] lah.

**WMA : Motto kehidupan Encik?**

RM : Untuk?

WMA : Pegangan kehidupan.

RM : Okay saya ada *tiga* [3] benda prinsip yang saya pasang \_\_\_\_ peganglah. Seni itu mendekatkan diri dengan Allah SWT, itu satu. Seni itu jambatan silaturrahim, jambatan silaturrahim *tu* [itu] tahu lah kan. Seni itu zat yang memberi kita kehidupanlah zat yang menyuburkan kita lah manusia - yang menyuburkan jiwa manusia. *Tiga* [3] eh, satu seni itu mendekatkan diri dengan sang pencipta Allah SWT. Kedua seni itu jambatan silaturrahim. Ketiga seni itu zat yang menyuburkan jiwa manusia. Saya pegang *tu* [itu] lah.

**WMA : Okay [baik] sekarang dimanakah tempat Encik menetap?**

RM : Saya tinggal di *Kuala Lumpur* [KL]. Spesifiknya dekat - di Semenyih lah. Tapi *dah* [sudah] banyak tempat lah, saya *bila* [apabila] di *KL* [Kuala Lumpur] *tu* [itu] banyak tempat saya pergi akhirnya saya duduk situ --- biasalah kita

pendatang kan mula – mula duduk dekat Bangsar, pindah sini dekat Sentul, banyak tempahlah tapi sekarang, kalau sekarang *ni* [ini] dekat Semenyih lah duduk rumah kat [dekat] sana.

**WMA : Okay soalan terakhir untuk bahagian *ni* [ini], apakah hobi Encik?**

RM : (Ketawa) Hobi *ni* [ini] Allah banyaklah hobi saya.

WMA : *Takpe* [tidak mengapa] banyak pun *takpe* [tidak mengapa].

RM : Hobi saya seni suara lah, apa *saja* [sahaja] yang berkaitan dengan seni suara saya suka lah benda *tu* [itu]. Bukanlah menyanyi *saja* [sahaja], apa *saja* [sahaja] lah berkaitan dengan suara kan. Saya pun ---

**TAMAT BAHAGIAN 1**

## BAHAGIAN 2: LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

**NAA : Dimanakah Encik mendapat pendidikan sekolah rendah?**

RM : Sekolah Kebangsaan Durian Tawar, Bera Pahang (berdehem).

**NAA : Pada tahun berapakah Encik memasuki sekolah rendah?**

RM : Tamat *sembilan belas enam puluh lima* [1965] jadi maksudnya saya masuk *sembilan belas lima puluh sembilan* [1959] kan, (mengira) *enam puluh* [60], *enam puluh satu* [61], *enam puluh dua* [62], *enam puluh tiga* [63], *enam puluh empat* [64], *enam puluh lima* [65], *yela* [ya lah] *lima puluh sembilan* [59] habis *enam puluh lima* [65], *enam* [6] tahun lah lebih kurang kan?

**NAA : Apakah cita – cita Encik ketika dibangku sekolah?**

RM : *Takde* [Tiada] cita – cita (menggeleng) saya suka menyanyi *je* [sahaja] waktu *tu* [itu] (ketawa). Memang saya *dulu* [dahulu] sekolah, sekolah rendah *dulu* [dahuku] kan, *dulu* [dahulu] sekolah rendah *ni* [ini] *bila* [apabila] kita balik sekolah cikgu akan panggil dia tahu lah siapa – siapa yang suka menyanyi, “kedepan – kedepan”, menyanyilah, kena menyanyilah, *ko* [kau] *study* [belajar] lah benda *tu* [itu]. Cita – cita *takde* [tiada] *tak* [tidak] terbayang apa benda pun kan tapi kalau selepas itu *dah* [sudah] darjah *enam* [6] kan, ada lah terlintas nak jadi pelakon filem kan terpengaruh dengan filem – filem Melayu, ketika itu kan,



terasa nak jadi pelakon filem, itu antara. Dia bukan cita – cita sekadar angan – angan *je* [sahaja] kan, tapi kalau nak sebut boleh *je* [sahaja] untuk memenuhkan jawapan awak *tu* [itu] (ketawa).

**NAA : Siapakah kawan baik Encik Ketika itu?**

RM : Masa sekolah rendah *tu* [itu]? Kawan yang betul – betul rapat *ni* [ini] nama dia Syed Othman bin Syed Shir. Bukan sihir yang orang *tu* [itu], S-H-I-R tak silapnya. Tapi saya panggil Harun *je* [sahaja]. Dia *gini* [begini] orang *dulu* [dahulu] kadang dia *tak* [tidak] serasi dengan nama kan, *bila* [apabila] dia demam, akan ada satu perubatan, *lepas tu* [selepas itu] dia akan letak daun *kat* [dekat] daun *tu* [itu] tulis nama, jadi dia capai daun *tu* [itu] (mencapai), nama dia Harun. Jadi sampai sekarang pun saya panggil dia Harun, saya *tak* [tidak] gelar dia Syed. Tapi itu ketika itulah kami terpisah (batuk). Masa saya *sekolah Arab* [sekolah agama] pun masih dengan dia.

**NAA : Dimanakah Encik mendapat pendidikan sekolah menengah?**

RM : Saya *Sekolah Menengah Agama* [SMA] Dun Raub, Pahang.

**NAA : Pada tahun berapakah Encik menamatkan pengajian sekolah menengah?**

RM : Allah, tak ingatlah (berfikir), sijil pun tak ambil waktu *tu* [itu]. Habis *tu* [itu] *blah* [beredar] macam *tu* [itu] je (berfikir). Sekejap eh (berfikir). Saya ingat saya *tujuh puluh lima* [75] *kut* [mungkin] (mengira), rasanya tak ingat sebab saya tak ambil sijil pun, saya *blah* [beredar] macam *tu* [itu] je [sahaja]. Sebab sekolah menengah agama *ni* [ini] dia ada sampai tingkatan *tiga* [3] *pastu* [selepas itu] sambung dua tahun masa tingkatan *lima* [5] dalam *lima* [5] tahun, tak ingatlah spesifik tahun sebab saya bermula dengan sekolah agama dan sampai tingkatan *tiga* [3], sambung *tu* [itu] rasanya *lima* [5] tahun tak silap kan. Anggaran *saja* [sahaja] tak ingat *dah* [sudah].

**NAA : Apakah subjek kegemaran Encik ketika dibangku sekolah?**

RM : (Ketawa) Masa di sekolah rendah saya suka melukis sebenarnya, walaupun saya tak jadi pelukis pun *lepas tu* [selepas itu], subjek lukisan, kalau di sekolah agama saya (batuk) saya ada banyak tapi saya suka pada hadis dan menghafal *hadis* [hadis Rasulullah] lah. Saya suka sebab subjek itulah antaranya.

**NAA : Siapakah nama guru kegemaran Encik ketika di sekolah menengah?**

RM : Nama dia Ustaz Mokhtar bin (mengingat kembali), alamak tak ingat *dah* [sudah], Ustaz Mokhtar je [sahaja]. Dia *dah* [sudah] meninggal *dah* [sudah] pun. Dia sebenarnya dia guru besar *kat* [dekat] situ (batuk), saya suka dia lah.

**NAA : Bolehkah encik ceritakan serba sedikit kenangan manis ketika Encik di sekolah menengah?**

RM : (Ketawa) Masa *sekolah menengah* [sekolah agama] *tu* [itu], ada *satu* [1] majlis, saya kena baca puisi, saya baca puisi, puisi *tu* [itu] karya tak silap ‘Sabar Bohari’, dia orang Selangor rasanya, masa tu saya tak kenal pun dia. Masa saya baca sajak *tu* [itu] saya nangis, bukan nangislah maksud sedih, sebak macam air mata turun kan. Orang tepuk lah kan “Oh bagus” kan, sebenarnya saya menangis bukan kerana sajak *tu* [itu], saya menangis waktu *tu* [itu] saya takut (ketawa), jadi tak peliklah *bila* [apabila] orang tepuk tangan “eh aku menangis pun orang ha” jadi maksudnya kita bukan kerana menghayati sajak *tu* [itu] pun, kita kan *kecik* [kecil] lagi waktu *tu* [itu], orang pun ramai. Saya ingat balik “Fuh begitu baca sajak”. Itu antaryalah (ketawa).

**NAA : Adakah Encik melibatkan diri dengan apa-apa kelab persatuan?**

RM : *Takde* [Tiada] (menggeleng sambil ketawa). Cuma saya --- Dia bukan macam kelab tau, kan saya orang sastera, cuma saya macam menubuhkan satu *team* [pasukan] buat *magazine* [majalah sekolah], jadi sayalah ketuanya dan pengarangnya. Dia macam *tu* [itu] *je* [sahaja]. Dia tidak dalam bentuk persatuan macam sekarang, ada pengerusi, setiausaha, *takde* [tiada], kami *tiga* [3] orang

bincang, buat macam *tu* [itu] *je* [sahaja]. Selalu saya yang *lead* [mengetuai] lah.  
Macam *tu* [itu] (batuk).

**NAA : Ketika itu, adakah Encik menyandang apa-apa jawatan?**

RM : *Takde* [Tiada] (ketawa).

**NAA : Boleh Encik kongsi kepada kami pengalaman yang tidak dapat dilupakan sepanjang sekolah menengah?**

RM : (Berfikir) Saya fikir pengalaman yang menarik sebab saya orang sastera kan, *bila* [apabila] saya mewujudkan majalah sastera, majalah masa tu dia *takde* [tiada] fotostat pun, kita pakai stencil *je* [sahaja] (sambil menghayunkan tangan). Jadi majalah sekolah saya dah *tak* [tidak] ingat lah nama majalah *tu* [itu] (sambil meraba komputer riba). Adalah saya sempat beberapa keluaran. Dulu kalau boleh buat majalah macam *tu* [itu] *dah* [sudah] dahsyat *dah* [sudah]. Walaupun berapa muka surat *je* [sahaja] kan sebab kita dulu *takde* [tiada] fotostat, kita ada stencil *je* [sahaja] (sambil menghayunkan tangan). Kalau nak buat gambar *tu* [itu] kena (sambil melakar) --- *ni* [ini] kan. Stencil *ni* [ini] ada *satu* [1] sistem lah, tapi *takde* [tiada] *dah* [sudah] sekarang. Saya ingat itu antara yang menariklah --- Maksudnya dia ada kaitan dengan dunia (mengingat kembali) penulisan saya *ni* [ini] lah, awal – awal *ni* [ini] kita *dah* [sudah]

bermula menulis puisi, buat majalah sekolah sendiri. Cikgu apa tu, sekolah tak suruh pun sebenarnya tapi sekolah tidak menghalanglah untuk kegiatan.

**NAA : Selepas tamat sekolah, adakah Encik melanjutkan pelajaran ke peringkat pengajian tinggi? Dekat mana?**

RM : *Tak ada* [Tiada] (menggeleng). Saya tak pernah masuk universiti pun. Tak pernah masuk (batuk) kolej kerajaan pun tapi selepas saya habis sekolah tu saya terus bekerja sendiri. Kerja sendiri maksudnya (batuk) tapi *bila* [apabila] saya *dah* [sudah] jadi wartawan pun, saya belajar sendiri *je* [sahaja] sebab saya banyak menyertai bengkel – bengkel sastera, bengkel – bengkel berkaitan dengan akademik juga tapi secara bengkel. Jadi melalui itulah saya banyak belajar tentang apa yang saya ada sekarang. Sebagai contohnya saya suka dalam bidang lakonan, saya masuk bengkel lakonan, saya suka bahagian pengarahannya, saya masuk bengkel pengarahannya dan pernah saya ditawarkan (batuk) untuk belajar di *Institut Kesenian Jakarta* [Indonesia] tetapi saya terpaksa tolak *masa* [semasa] *tu* [itu] sebabnya hal keluarga kan. Kalau tak mungkin saya *dah* [sudah] Diploma *kat* [dekat] sana. Macam *tu* [itu] lah dan kebelakangan *ni* [ini] pun ada orang *offer* [tawar] saya buat Master kan tapi saya tak ambil, dengan umur saya, saya bukan kerja kerajaan pun. Sebagai contohlah, jadi saya *takde* [tiada] pengalaman itu lah. Pengalaman belajar secara melalui bengkel – bengkel seminar itu banyak lah.

**TAMAT BAHAGIAN 2**

### BAHAGIAN 3: PENGALAMAN KERJAYA

**WMA** : *Okay* [baiklah] soalan bahagian ketiga, soalan mengenai pengalaman kerjaya. Saya akan tanyakan mengenai kerjaya awal. *Okay* [baiklah] waktu Encik melanjutkan pelajaran maksudnya menyertai bengkel – bengkel *tu* [itu] adakah Encik buat apa – apa kerja sambilan waktu *tu* [itu]?

**RM** : *Okay* [baiklah] *bila* [apabila] saya berhenti sekolah menengah kan, kerja awal saya adalah tolong *pak* [bapa] saudara saya kedai – kedai runcit. Lama *jugak* [juga] lah. Masa itu, saya *dah* [sudah] berhenti sekolah saya kira pembantu kedai runcit lah kat [dekat] kampung. Kegiatan masa itu sambil kedai runcit *tu* [itu] masa *tu* [itu] *Pop yeah yeah* [genre lagu], faham tak *Pop yeah yeah* [genre lagu] sedang melanda lah. Malamnya saya menyanyi dengan *band* [kugiran] kampunglah. Kami - siangnyanya saya jaga kedai runcit malamnya ataupun kalau ada *show* [persembahan] selalunya orang – orang kahwin dan sebagainya saya menyanyilah dengan kugiran *tu* [itu]. Dulu dia namakan kugiran dia *tak* [tidak] nama *band* dan ia berlangsung lama *jugak* [juga]. *Okay* [baiklah] selepas itu - itu di Raub *tu* [itu], di Ulu Dong *tu* [itu] tempat yang saya sebut tadi lah kan. Kemudian, saya balik ke Termerloh - *bila* [apabila] saya balik ke Termerloh (berdehem) kerja saya ialah kilang papan di Termerloh. Saya *takda* [tiada] kelulusan, saya kerja kilang papan. Masa itu bila kerja dikilang papan kegemaran menyanyi *tu* [itu] masih kekal lah. Tapi masa itu kita *takda* [tiada] aplikasi macam sekarang. Kita kena beli apa - dulu dia panggil album kan, kena pasang nyanyi dan masuklah mana – mana pertandingan benda *tu* [itu]

berterusanlah. Tapi saya kerja kilang papan dan masa kerja di kilang papan *tu* [itu] pernah juga kerja dengan lori balak *ni* [ini]. Maksudnya ikut lori balak *ambik* [ambil] balak dalam hutanlah, kerja kasarlah maksudnya. Seinggalah kemudian saya berhenti di kilang papan saya bekerja di Majlis Bandaran Temerloh, ketika itu sebagai buruh kasar. Itu lama lah, daripada situ saya dah kahwin pun yang pertama *lah* [isteri yang pertama]. Tapi *takyah* [tak perlu] sebutlah kahwin *tu* [itu], kan *confuse* [keliru] pula orang karang tapi kalau nak tulis kena sebutlah, haa dah kahwin isteri pertama haa macam *tu* [itu] kan. Tapi saya kerja di Majlis Bandaraya Temerloh *tu* [itu] sebagai buruh kasar, itu lama. Seinggalah saya berhenti, saya ambil keputusan berpindah ke Kuala Lumpur, disitulah saya mula bekerja sebagai wartawan lah. Ke nak sambung lagi kerja *tu* [itu]? Ke ada lagi soalan berkaitan?

WMA : Ada lagi.

RM : Ataupun nanti saya cerita nanti kalau soalan *tu* [itu] berkaitan, pangkah *je* [sahaja] lah.

WMA : Haa (setuju).

RM : Maksudnya bila saya di *KL* [Kuala Lumpur] saya bermula sebagai wartawan, wartawan di Karang kraf masa *tu* [itu]. [Bunyi notifikasi telefon] dia menerbitkan akhbar mingguan *Bacaria* dan sebagai lah. *Lepas tu* [Selepas itu] kalau Karang kraf, *Google* banyaklah keluaran dia kan dan saya mula bekerja sebagai wartawan di *Kuala Lumpur* [KL] seinggalah saya dinaikkan pangkat sebagai editor kan itu jawatan terakhir saya di Karang kraf lah. Di samping itu,



saya *dah* [sudah] mula terlibat dengan industri filem, drama *tv* [televisyen] dan sebagainya dan saya *dah* mula berlakon sedikit sebanyak kan. Kemudian bila saya berhenti dengan Karang kraf itu adalah pada tahun - saya mula kerja di Karang kraf *tu* [itu] tahun *lapan puluh dua* tak silap saya hujung - tak silap saya *lapan puluh dua* kah atau *lapan puluh tiga*. *Lapan puluh tiga tu* [itu] lebih tepatlah. Kemudian saya berhenti di Karang kraf *lapan puluh enam* tak silap saya. Saya bekerja di beberapa *publisher* [penerbit] lain tapi tak lama lah sehingga akhirnya saya kerja dengan apa *tu* [itu] di Wisma Belia. Wisma Belia *tu* [itu] saya jadi editor dan saya menerbitkan surat khabar sendiri pula masa *tu* [itu]. Nama surat khabar *tu* [itu] Berita M-A-Y-C, Malaysian Association of Youth Club. Akhbar *tu* [itu] tak bertahan lama sebab bila saya berhenti pada masa *tu* [itu] saya editor lah. Kemudian *bila* [apabila] saya berhenti *tahun lapan puluh Sembilan* [89], saya berhenti *pada* [daripada] Wisma Belia, akhbar *tu* [itu] pun terkubur lah. Sejak *tahun lapan puluh sembilan* [89] *tu* [itu] lah saya *freelance* [bekerja secara bebas] sampai sekarang, saya *takde* [tidak ada] bekerja dengan siapa – siapa, saya *freelancer* [pkerja secara bebas] dalam bidang seni budaya *ni* [ini] lah. Nanti boleh *tu* [itu] [rujuk] balik lah. Kerjaya *tu* [itu] lah kerja saya yang saya ada pun.

**WMA : Okay [baiklah] Encik ada memulakan kerjaya sebagai seorang wartawan, boleh saya tahu berapa lama Encik bekerja sebagai wartawan?**

RM : Wartawan *tu* [itu] daripada *lapan puluh tiga* [83] sampai *lapan puluh sembilan* [89] lah dengan - itu banyak yang di Karang kraf, di Wisma Belia dan beberapa *publisher* lain di *KL* [Kuala Lumpur] lah. Kalau nak sebut tu dia bukan dua saja [sahaja], *publisher* [penerbit] lain tu ada dua tak silap saya. Okay kalau nak spesifik pertama *tu* [itu] di Karang kraf, kemudian saya berhenti saya jadi editor di Pen Earth Sdn Bhd. Pen Earth *ni* [ini] dia menerbitkan buku – buku *ni* [ini], buku – buku pelajar *ni* [ini], buku – buku *KBSR* [Kurikulum Baru Sekolah Rendah] segala macam. Pen Earth *ni* [ini] dekat Petaling Jaya. Saya dah lupa berapa lama, saya jadi editor [kat] dekat situ kemudian saya bekerja dengan Media Seni, Media Seni *ni* [ini] kepunyaan Yamin Daud, Yamin Daud *ni* [ini] seorang pelukis. Dia mengeluarkan majalah masa *tu* [itu], majalah dia macam *URTV* [Utusan Radio dan Televisyen] adalah - Media Seni *tu* [itu] adalah majalah dia saya jadi editor *jugak* [juga] dekat situ, pun tak lama lah kemudian saya akhirnya saya dekat Wisma Belia. Wisma Belia *tu* [itu] lah yang saya sebut tadi *tu* [itu] lah sehinggalah tahun *lapan puluh sembilan* [89] saya berhenti dan saya *freelance* [bekerja secara bebas] lah masa *tu* [itu] saya tak bekerja dengan siapa – siapa lah.

**WMA : Bagaimana Encik mendapat pekerjaan tersebut? Sebagai wartawan tu [itu]?**

RM : Eh saya datang *KL* [Kuala Lumpur] dulu, mulanya saya jadi *freelance* dia

macam *ni* [ini] - dia jadi apa - penulis bebas je [sahaja] sebenarnya. Saya hantar artikel ke Karang kraf, saya hantar artikel dia keluar (diterbitkan) bayar. Tapi tak lama lah *lepas tu* [selepas itu] dalam - saya ingat dua *tiga* [3] bulan *je* [sahaja] *lepas tu* [itu], pihak pengurusan panggil saya untuk bagi kerja tetaplah.

WMA : Kira bermula sebagai seorang penulis bebas kemudian ---

RM : Haah (setuju) kemudian jadi wartawan. Dia *offer* [tawarkan] lah, dia tengok mungkin tulisan saya *tu* [itu] mungkin sesuai untuk dia *kot* [mungkin] itulah.

**WMA : Siapakah yang memberi dorongan kepada Encik ketika itu?**

RM : *Okay*, [baiklah] antara orang yang saya anggap sebagai pembimbing saya dalam bidang kewartawanan, masa *tu* [itu], nama dia Kamal Amir. Sekarang dia *dah* [sudah] 'Dato' dah. Kamal Amir *ni* [ini] dia seorang wartawan dan dia juga ketua editor saya lah *masa* [semasa] *tu* [itu]. Sekarang dia *dah* [sudah] masuk politik dah. Kamal Amir Bin Kamal Hijjaz. Tapi kalau sebut Kamal Amir *tu* [itu] orang kenal lah, popular lah.

**WMA : Sepanjang Encik bertugas sebagai wartawan, boleh Encik [bunyi notifikasi telefon] ceritakan bagaimana Encik buat kerja *tu* [itu]?**

RM : Oh kita bila jadi wartawan kita kena ikut apa arahan daripada editor lah. Masa *tu* [itu] Kamal Amir tadi kan. editor sebagai bos saya, apa sahaja dia suruh saya

pergilah. Dia beri kita *guide* [bimbingan] macam mana nak buat berita kan? Oleh kerana kita bukan surat khabar harian, jadi berita kita kenalah agak sensasi *sikit* [sedikit]. Sebab dia *takleh* [tak boleh] berita yang *current issue* [isu terkini] sebab *current issue* [isu terkini] *ni* [ini] hari – hari dah dia ada surat khabar lain *cover* [urus]. Kita kena - orang baca berita *tu* [itu] dia sebulan daripada berita keluar pun orang boleh baca lagi. Dia kena berita macam yang *gitu* [begitu]. Sebab dia akhbar mingguan kan jadi semua *guideline – guideline* [panduan – panduan] *tu* [itu] bos saya beritahulah saya ikut apa dia kata. Dan sebelum saya jadi wartawan pun saya pernah masuk bengkel - macam yang saya sebut tadilah, saya pernah masuk bengkel kewartawanan, saya pernah masuk bengkel penulisan. Macam *tu* [itu] lah saya gunakan sepenuhnya pengalaman *tu* [itu] untuk bekerja kan.

**WMA : Jika Encik masih ingat, apakah jabatan – jabatan ataupun unit yang ada ketika itu?**

RM : Di Karang kraf eh?

WMA : Haa (setuju).

RM : Okay kalau di Karang kraf, saya mulanya sebagai apa *tu* - wartawan bebas, bebas *tu* [itu] maksudnya saya menulis untuk semua majalah. Dia masa *tu* [itu] ada banyak majalah, ada Bacaria, Bacaria *ni* [ini] akhbar mingguan. Dia ada majalah remaja, majalah remaja *ni* [ini] bulanan. Dia ada apa *tu* [itu] - akhbar kanak –

kanak itu mingguan dan ada beberapa lah - tapi masa saya sana saya menulis semua, saya menulis sukan, saya menulis hiburan, saya menulis genre kanak – kanak, saya menulis dalam remaja, saya menulis dalam Bacaria. Jadi, kesemua majalah ataupun terbitan daripada Karangkraf *tu* [itu] saya tulis, saya menulis semua lah. Sehingga saya dilantik sebagai editor, saya cuma menyunting karya *je* [sahaja] lah.

**WMA : Adakah rakan – rakan sekerja Encik ketika itu sebaya atau berbeza umur?**

RM : Berbeza umur, ada kebanyakan muda daripada saya.

**WMA : Adakah rakan – rakan sekerja Encik sentiasa membantu Encik sepanjang Encik bertugas?**

RM : Kita memang kena saling bekerjasama untuk mendapat sesuatu benda kan? Kita kena bekerjasama lah. Dalam sesuatu organisasi macam *tu* [itu] memang kita saling bekerjasama. Kita tidak bersaing maksudnya kan? Tapi kita ada *dateline* [tarikh] masing – masing contohnya yang *ni* [ini] *dateline* [tarikh] sekian. Kena saling membantulah. Haa itu dalam semua organisasi memang macam *tu* [itu]. Cuma idea teras *tu* [itu] kita lah kan. Sebab bila menulis *tu* [itu] nak bantu macam mana kan? Dia pun ada *assignment* [tugasan] dia, kita *assignment* [tugasan] kita kan. Cuma membantu dari segi kadang – kadang nak pergi nak

jumpa orang sebagai contoh “eh aku nak jumpa orang *ni* [ini] lah macam mana nak?’ dia bagi nombor telefon *ke* [kah] macam *tu* [itu] lah. Tapi dari segi karya, menulis *tu* [itu] masing – masinglah kan kadang – kadang kita dulu kan susah nak pergi sana kena naik bas kena tumpang – “aku nak tumpang motor kau lah” macam *tu* [itu]. Kerjasama dalam konteks bekerja begitulah kan.

**WMA : Okay [baiklah] soalan seterusnya, apakah kejayaan yang dicapai oleh Encik ketika itu?**

**RM :** Saya ingat *takda* [tak ada] apa nak berjaya pun cuma dalam bidang itu saya agak - dia macam *ni* [ini] eh. Oleh kerana masa itu memang tumpuan kita pada penulisan. Jadi tidak ada apa – apa halanganlah untuk saya melaksanakan semua kerja saya lah kan? Dan masa itu memang *dah* [sudah] ada wujud anugerah wartawan tapi *tu* [itu] bukan tahap kita lah kan. Itu untuk tokoh – tokoh lah. Jadi kita pun tidak pernah masuk bertanding apa – apa pun kan. *Takde* [tidak ada] lah nak dianggap berjaya dalam bidang *tu* [itu] - berjayanya kerana kita berjaya merealisasikan majalah kita keluar pada waktu yang --- ha dia macam *tu* [itu] *je* [sahaja]. Kalau kerja – kerja lain yang sampingan *tu* [itu] ada lah, bidang – bidang sampingan yang lain lah.

**WMA : Kemudian, apakah antara cabaran ataupun halangan yang dihadapi ketika**

**itu?**

RM : Logistik lah sebab masa itu dari *KL* [Kuala Lumpur] sebagai contohnya nak pergi ke suatu tempat *tu* [itu] kena naik motor, kena cari kan? Haa kita kadang – kadang - haa itu *je* [sahaja] bendanya tapi tidaklah halangan yang besar sangat pun sebab dulu mana ada *handphone* [telefon bimbit] kan? Nak *contact* [hubung] kena cari dulu rumahnya kan bukan boleh nak telefonnya kan macam *tulah* [itulah] antaranya. Tapi tidak sebagai halangan besar sangatlah. *KL*, Kuala Lumpur *ni* [ini] semua benda mencabar belaka. Kita kena - stamina kena besarlah kalau tidak (sendawa) kita tidak boleh nak buat benda – benda semua *tu* [itu].

**WMA : Soalan seterusnya, apakah pengalaman manis sepanjang Encik bekerja di situ? Sebagai wartawan.**

RM : Sebagai wartawan?

WMA : Sebagai wartawan.

RM : (Ketawa) Apa yang manis huh? Saya kalau ikut saya manis semua. Kejap kejam (berfikir) dia *gini* [begini] tahu yang manis *tu* [itu] dia tidak berkait dengan wartawan sangat tapi oleh kerana kita ada di situ. Sebagai contohnya, saya kan penggiat seni sambil kerja saya masih bergiat lagu rakyat, saya bergiat pentas, saya bergiat nyanyi jadi manisnya dekat situ. Sebagai contohnya bila saya dekat Wisma Belia, saya disamping saya jadi editor surat khabar saya adalah *jugak*

[juga] kalau dalam konteks sekarang orang panggil duta budaya. Jadi saya pernahlah pergi ke - buat persembahan di Jepun, di Korea kerana saya ada di dalam organisasi belia *tu* [itu].

WMA : Sebagai wartawan?

RM : (Mengangguk) Sebagai wartawan *tu* [itu] kerja tapi oleh kerana kita ada dalam organisasi Wisma Belia *tu* [itu] bukan kewartawanan *je* [sahaja] dia banyak benda lain, kegiatan – kegiatan lain, dia merangkumi semua kegiatan belia – belia. Jadi oleh kerana saya ada di situ, saya mewakililah pergi ke Jepun, Korea segala macam untuk buat persembahan mewakili organisasi belia *tu* [itu]. Dia manisnya *kat* [dekat] situ bukan pada kerjaya sebagai wartawan *tu* [itu]. Begitu *jugak* [juga] semasa saya di Karang kraf, di Karang kraf tak silap saya, saya suka menyanyi. Jadi, kita masuk pertandingan nyanyi antara wartawan. Menang, jadi manisnya dekat situ bukan dekat kerja *tu* [itu]. Haa kan macam *tulah* [itulah] antara ---.

WMA : **Okay [baiklah] soalan terakhir untuk kerjaya awal. Bolehkah Encik kongsi *jugak* [juga] pengalaman pahit yang tak dapat Encik lupakan sepanjang bekerja sebagai wartawan?**

RM : Saya tak ada - sepanjang hidup saya, saya tak ada pengalaman pahit *tu* [itu] yang peliknya. Yang pahit – pahit *ni* [ini] saya anggap tak ada lah sebab saya tidak pernah mencabar - saya kalau saya cabar saya cabar diri saya. Jadi bila saya



cabar diri saya dia tak jadi pahit dia jadi - benda *tu* [itu] jadi satu proses. Yang pengalaman pahit sebenarnya tak ada pengalaman pahit – pahit sangatlah kan. Yang kecil – kecil *tu* [itu] saya tak anggap pahitlah itu proses kan? Proses kehidupan.

**WMA : Kemudian kita masuk pula soalan kerjaya sebagai penyair. Okay---**

RM : Penyair *ni* [ini] ke penyair? Ha *tu* [itu] saya tanya awal tadi. Penyair *ni* [ini], dia adalah tokoh ataupun orang hebat dalam bidang puisi, puisi *tu* [itu] dalam konteksnya sajak. Tapi kalau penyair *ni* [ini] tapi kalau lebih tepatnya pendendang syair *ni* [ini], ia khusus untuk puisi tradisional, syairlah. Kan dalam puisi *tu* [itu] banyak jenis. Pantun, gurindam, seloka, sajak. Sajak *tu* [itu] puisi moden. Supaya awak punya tulisan tak keliru. Awak nak sebut penyair ke penyair ke? Kalau penyair *tu* [itu] dia termasuk sajak lah. Tapi boleh *je* [sahaja] penyair pun boleh cuma spesifiknya kalau nak tanya dalam bidang syair *tu* [itu] kena tanya syairlah haa macam *tu* [itu].

**WMA : Soalan pertama, pada tahun bilakah Encik mula aktif?**

RM : Dalam bidang?

WMA : Bidang syair ini.

RM : *Okay* [baiklah] syair *ni* [ini] saya mula daripada kecil saya dah suka pada syair

sebab masa *tu* [itu] masa era – era *enam puluh an* [60an] *tu* [itu], *enam puluh lima* [65], *enam puluh enam* [66] *tu* [itu]. Ya lah masa sekolah rendah saya dah mula mendengar syair – syair Melayu dalam radio. Dulu radio *tu* [itu] menjadi tumpuanlah jadi - tapi masa *tu* [itu] kita dengar dan kita bersyair *gitu* [begitu] *aje* [sahaja] lah sebab *takde* [tak ada] bertanding ke apa kan? Tapi *bila* [apabila] saya mula – mula betul bergiat dalam bidang syair *ni* [ini] ialah pada tahun *dua ribu lima* [2005]. Sampai sekaranglah, *dua ribu lima* [2005] sampai sekaranglah. Itu termasuklah kerja – kerja menyelidik, membuat persembahan, mengajar anak muda dan sebagainya. Kalau mula sebut *dua ribu lima* [2005] lah.

**WMA : Okay [baiklah] bagaimanakah Encik mendapat ilmu mendalam mengenai bidang syair *ni* [ini]?**

RM : *Okay* [baiklah], saya *ni* [ini] - dia macam *ni* [ini]. Bertemu dengan orang – orang tua yang - sebabnya kan khazanah warisan, mana ada kalau - kena bertemu dengan orang - orang tua yang ada ilmu *tu* [itu]. Maksudnya, sebagai contohnya rujukan saya \_\_ cikgu Adibah Chik, arwahnya. Cikgu Ali Badrud, arwah juga dah. *Lepas tu* [Selepas itu] Hajah Aminah, alamak lupa dah - maksudnya, secara umumnya saya menemui tokoh – tokoh orang – orang tua yang ada - yang boleh berdendang syair dan tahu tentang syair. Itu di Malaysia. Kemudian saya menjelajah sampai ke Nusantara lah, Sumatera semua *tu* [itu]. Ha itu menemui responden – responden disana lah pula. Jadi, itulah cara kita dapat ilmu *tu* [itu],

termasuklah mendapatkan irama – irama syair dan juga teks – teks syair klasik macam *tulah* [itulah]. Itu adalah penyelidikan secara bersendirian. Dan kita juga merujuk pada penyelidik – penyelidik yang awal daripada saya *jugak* [juga]. Itu pun salah satu.

**WMA : Kemudian, adakah Encik mempunyai persaingan yang banyak sepanjang mendalami bidang seni syair *ni* [ini].**

RM : Tak ada.

WMA : Tak ada?

RM : Tak ada. Sebab diperingkat awal *tu* [itu] saya rasa saya *sorang – sorang je* [seorang – seorang sahaja] yang memang minat dan suka benda *ni* [ini] ha kan. Sehinggalah saya melahirkan ramai anak – anak buah yang boleh bersyair dan mereka *ni* [ini] sedang - mereka *ni* [ini] lah yang sekarang sedang orang kata rancak - yang menjadi - ya lah mereka *ni* [ini] lah sekarang sedang bersyair sana sini yang menyemarakkan atau memperluaskan lagi irama syair *ni* [ini]. Diperingkat awal dulu saya *takde* [tiada] orang saya *sorang – sorang je* [seorang – seorang sahaja] kan.

**WMA : *Okay* [baiklah], adakah Encik mengangkat bidang syair *ni* [ini] sebagai kerjaya utama Encik?**

RM : Dia macam *ni* [ini], kalau sebut kerjaya dia mendatangkan satu pulangan kewangan yang kekal. Walaupun saya memang syair *ni* [ini] salah satu bidang yang saya konsisten. Tetapi dia tidaklah menjadi macam mata pencarian dekat situ ha kan tapi ada la juga sekarang *ni* [ini] bila kita buat bengkel, kita beri bengkel tentang syair segala macam orang panggil buat persembahan. *Diorang* [mereka] bayar *jugak* [juga] lah tapi dia bukan menjadi kerjaya tahu. Dia menjadi macam tanggungjawab *kot* [mungkin] macam satu benda yang --- kerjaya kitalah salah satu bidang yang saya bawa bersama – sama dengan yang lain *tu* [itu] syair *tu* [itu] sampai sekaranglah, konsistenlah.

**WMA : Selain itu, adakah Encik memfokuskan bidang syair *ni* [ini] sebagai sumber pendapatan utama?**

RM : Tidak.

WMA : Tidak?

RM : Disamping --- dia *gini* [begini] tidak jawabannya adalah tidak. Tetapi apabila orang panggil kita bersyair dan sebagainya *tu* [itu] orang bayar kan. Jadi kita anggap sebagai pendapatan apa huh? Sampingan lah kot.

**WMA : Siapakah yang memberi dorongan dan sokongan untuk Encik menceburi bidang syair ini sebagai kerjaya Encik?**

RM : Tak ada. Ini memang sendiri punya suka memang saya suka benda *tu* [itu] lah.

**WMA : Ada tak ahli – ahli keluarga Encik yang turut mendalami bidang syair *ni* [ni]?**

RM : Tak ada.

**WMA : *Okay* [baiklah] selain daripada syair, adakah Encik melakukan apa-apa persembahan lain? Apakah persembahan tersebut?**

RM : *Okay* [baiklah], saya sebenarnya - saya *ni* [ini] orang seni *en* [kan] saya bukan saja syair selain - awak pun tahu selain daripada syair saya bidang saya lagu rakyat. Lepas *tu* [itu], saya *jugak* [juga] jadi apa tu - pengacara. Pengacara *ni* [ini] ya lah majlis – majlis tertentu lah terutama majlis – majlis sastera kemudian saya juga menulis. Menulis *tu* [itu] maksudnya saya menulis skrip, filem dan sebagainya dan saya *jugak* [juga] berlakon drama tv [televisyen], filem dan saya *jugak* [juga] mengarah filem, mengarah drama tv [televisyen]. Jadi dalam bidang seni *tu* [itu] saya banyak benda yang saya jadikan sumber pendapatan lah kan. Macam sekarang *ni* [ini] saya banyak tumpu pada filem lah, penulisan skrip filem dan sebagainya. Dulu saya *dua puluh tahun* [20] terlibat dalam bidang drama tv [televisyen], bekerja daripada - ya lah semua berkaitan dengan kerja kerja buat drama tv [televisyen] lah. Termasuk jadi - akhirnya jadi pengarah,

menulis skrip, berlakon kerja dibelakang kamera sehinggalah saya jadi pengarah, jadi *producer* [penerbit] jadi itulah bidang kerjaya lah. Syair *tu* [itu] tak ingatlah kan, syair *ni* [ini] dia bermusim kadang – kadang - dia bukan sentiasa dominan kan - dia tukar lagu rakyat. Macam sekarang *ni* [ini], bila lagu lemak manis *tu* [itu] tengah popular saya dah - dah jadi macam kerjaya la pula, bukan kerjaya pun jadi dia rancak orang panggil dia macam *tu* [itu] jadi bidang saya banyak jadi bidang utama yang saya ceburi selain daripada syair *ni* [ini]. Jadi pengacara, *lepas tu* [selepas itu] menulis - menulis *tu* [itu] banyak bidanglah termasuk yang sekarang *ni* [ini] saya tumpu pada penulisan skrip filem, *lepas tu* [itu] berlakon, mengarah segala macam. Kadang – kadang saya *jugak* [juga] jadi - saya *jugak* [juga] yang *organize* [mengaturcara] *event – event* [majlis – majlis] berkaitan dengan seni budaya *ni* [ini]. Macam *tulah* [itulah] antaranya.

**WMA : Adakah Encik masih menerima jemputan berbayar untuk melakukan persembahan syair dan nyanyian?**

RM : Sangat menerima, sampai sekarang *ni* [ini] malah sekarang *ni* [ini] ada masa yang saya terpaksa tolak lah. Banyak sangat, kan sebabnya dia nya bukan saja di Malaysia, dia sudah telah sampai ke Indonesia, Singapura, Brunei semua jadi dah - dia dah jadi *international* [antarabangsa] kan ha macam *tu* [itu]. Di Indonesia pun untuk tahun *ni* [ini], minggu depannya saya dekat *Riau*

[Indonesia] kemudian bulan Julai ada lagi, September ada lagi, Disember ada lagi dekat *Jakarta* [Indonesia]. Jadi banyaklah, selain daripada dalam negara.

**WMA : Adakah Encik ada menjual apa – apa cenderahati ataupun apa – apa barangan lain?**

RM : Tak ada, walaupun saya ada lah terbit album dan sebagainya saya tidak menjual sangat. Kadang – kadang orang min - tak dia macam *ni* [ini] sebabnya saya bukan buat produk *tu* [itu] untuk jual sangat cuma kadang – kadang “kau bayarlah kosnya, bila aku buat album kan kena bayar studio dan sebagainya jadi nilai kos kau bayarlah” tapi bukanlah untuk komersial saya jual *tu* [itu] saya dapat untung.

WMA : Kiranya bukanlah, bukan untuk untung

RM : *Takde* [tidak ada] haa kan. Saya tidak menjadikan ia sebagai punca pendapatan *kat* [dekat] situ. Macam *tu* [itu] lah.

**WMA : Sepanjang penglibatan Encik dalam bidang syair *ni* [ini], dimanakah tempat paling jauh pernah Encik buat persembahan?**

RM : Daik Lingga, Daik Lingga *ni* [ini] kalau daripada Johor kita akan naik feri ke Tanjung Pinang selama *dua* [2] jam lebih. Kemudian daripada Tanjung Pinang kita naik feri lagi *lima* [5] jam lebih. Dia tak - di situ *takde* [tiada] lapangan

terbang tak silap saya. Jadi kita perjalanan kita dalam perjalanan laut sekitar dalam *tujuh* [7] ke *lapan* [8] jam lah, jauh lah. Daik Lingga tempat *tulah* [itulah], tempat gunung Daik bercabang tiga *tu* [itu]. Perjalanan laut maksudnya, *tu* [itu] paling yang saya anggap jauhlah. Sebab kita syair *ni* [ini] kan dunia Melayu. Haa macam *tu* [itu].

**WMA : Seterusnya, adakah Encik ada membuka kelas ataupun mengajar anak – anak muda dalam bidang syair?**

RM : Ada, saya *dah* [sudah] mengajar banyak, tapi mulai tahun lepas saya menubuhkan akademi syair. Akademi Syair *ni* [ini] tahun lepas kita ada *dua puluh li - dua puluh tiga* [23] pelajar yang mana telah ada majlis graduasi daripada bulan September tak silap saya. Kita dah ada majlis graduasi lah. Yang untuk tahun *ni* [ini] saya buat *kat* [dekat] *sini* [Universiti Malaysia Pahang, Gambang]. Jadinya kita ada enam belas pelajar yang tetap daripada luar lagi taktau [tak tahu] berapa orang lagi. *Dua puluh empat* [24] kita akan mula kelas *tu* [itu]. Itu secara *ni lah* [ini lah] - secara rasmi, yang mengajar secara dalam bengkel apa semua *tu* [itu] banyak. *Tu* [itu] sejak tahun *dua ribu dua belas* [2012]. Sejak *dua ribu dua belas* [2012] *tu* [itu] dah banyaklah pelajar – pelajar saya yang saya mengajar secara dalam bengkel, kemudian dalam *group* [kumpulan] yang kecil – kecil kan. Cuma sejak tahun lepas saya sudah mula buka akademi syair secara sistematik sikitlah kan macam *tu* [itu] kan. Dan saya



bila sistematik *tu* [itu] mereka – mereka yang pernah belajar dengan saya *tu* [itu] saya angkat menjadi mentor, mereka jadi tenaga pengajar ha macam *tu* [itu] kan. Dan saya pernah *jugak* [juga] pernah menjadi pensyarah tamu di Universiti Sumatera Utara (Sumatera, Indonesia), satu semester memang khusus mengajar syair. Itu pada tahun *dua ribu dua puluh* [2020]. Itu memang dilantik secara rasmi sebagai pensyarah tamu. Subjek dia syair lah, Universiti Sumatera Utara.

**WMA : Sepanjang Encik mengajar dalam bidang syair *ni* [ini], ramai tak pelajar yang Encik kendalikan?**

RM : Ramai. Kalau nak sebut ramai *tu* [itu] ramai lah saya pun tak ingat jumlahnya. Macam Universiti Sumatera Utara *tu* [itu] bila saya mengajar secara umum *tu* [itu] hampir - *student* [pelajar] berapa ratus orang datang. Cuma bila spesifik *tu* [itu] kita pilih - yang *ni* [ini] - selalunya yang hari pertama *tu* [itu] kita buka kemudian bila spesifik *tu* [itu] tak ramai lah. Maksudnya kita tak nak terlalu ramai dalam kelas sebab kita nak mereka *ni* [ini] betul – betul mahir kan. Jadi itu yang kita pilihla.

**WMA : Baik, seterusnya kita akan masuk ke soalan kerjaya mengenai bidang nyanyian.**

RM : *Okay* [baiklah] nanti dulu, bidang syair *tu* [itu] ada banyak lagi. Saya pernah -

saya menganjurkan festival syair sejak tahun *dua ribu enam belas* [2016]. Festival syair *dua ribu enam belas* [2016] bermula di *KL* [Kuala Lumpur] kemudian kita buat di *Medan* [Indonesia], pada *dua ribu tujuh belas* [2017] kita buat dua satu di *KL* [Kuala Lumpur] satu di *Medan, Sumatera* [Indonesia], *dua ribu lapan belas* [2018] kita buat di Tanjung Pinang, *dua ribu sembilan belas* [2019] kita buat *kat* [dekat] *Kuantan* [Pahang], *dua ribu dua puluh* [2020] *tu* [itu] masa *tu* [itu] COVID kan? *Dua puluh dua puluh* [2020], dua puluh satu [21] *tu* [itu] kita hanya buat pertandingan syair sahaja dalam talian. Kemudian *dua ribu dua puluh* [2020]- yang tahun lepas tahun *dua ribu dua puluh dua* [2022] kita buat satu lagi festival syair di *Kuantan* [Pahang] *jugak* [juga]. Jadi dah ada berapa *series* [siri] dah *tu* [itu] kan. Dalam festival syair *tu* [itu], ada seminar, ada pertandingan syair, ada buat teater dan sebagainya. Semua berkaitan dengan syair lah. Dan kemudian pertandingan - saya mula mengasaskan pertandingan syair antarabangsa *ni* [ini] pada tahun *dua ribu lapan belas* [2018] di Tanjung Pinang sampai lah sekarang. Dan hadiah – hadiah dia pun tinggi, *lima ribu ringgit* [RM 5000] hadiah pertama. Kalau tahun *dua ribu dua puluh satu* [2021] *tu* [itu] hadiah dia dekat *sepuluh ribu ringgit* [RM10 000] hadiah pertama campur dengan barang – barangan kan. Tahun *ni* [ini] kita tengah rancang, belum buat lagi lah. Jadi itu antara yang saya buat dalam bidang *ni* [ini] lah kan. Di samping mengajar di seluruh Nusantara, kita sebut Nusantara lah sebab saya ada pernah buat bengkel di Singapura, Indonesia dan di Malaysia banyaklah itu antara yang kita buat lah. Maknanya syair *tu* [itu] saya cuba

angkat di tahap yang tinggi lah, tahap yang professional lah di samping kita menerbitkan album – album syair kan. Berapa saya dah lupa dah berapa album. Kita - saya ada beberapa album dendangan syair oleh saya *jugak* [juga] dan mereka – mereka yang pernah belajar syair dengan saya, saya rasa mereka boleh kan dia ada beberapa orang lah. Saya ada mentor saya, saya ada *lapan* [8] mentor saya dalam bidang *ni* [ini] untuk mengajar sama – sama. Nama dia - nak nama ka?

WMA : Boleh.

NAA : Boleh.

RM : Shafa'atu - Doktor Shafa'atussara Silahudin, S-H-A---

NAA : Saya rasa saya *familiar* [biasa] *kot* [mungkin] dengan nama *tu* [itu], penyair *jugak* [juga] kan?

RM : Dia penyanyi juga.

NAA : Penyanyi oh.

RM : Saya tulis lah dekat awak, takut salah tulis pula.

WMA : (Hulurkan kertas) Encik nak tulis dekat sini kah? Tulis atas pun boleh, bawah pun boleh.

RM : (Menyenaraikan nama – nama mentor) *Lapan* [8] mentor *ni* [ini] jadi tenaga pengajarlah sekarang *ni* [ini] dalam akademi saya *ni* [ini]. Saya panggil *dia* [mereka] mentor lah sebab *dia* [mereka] *ni* [ini] *senior* [orang lebih lama] lah kan yang ramai *ni* [ini] banyak tapi yang kita - kan dalam ramai – ramai *tu* [itu] kita bukan semua *tu* [itu] - ada yang tak lulus pun ada.

**WMA : Antara mentor – mentor *ni [ini]*, semuanya masih aktif?**

RM : Oh masih aktif, sangat aktif dan mereka *jugak [juga]* ada buat persembahan secara persendirian dan sebagainya kan mentor-mentor pula dia ada - *tu [itu]* seluruh negara *tu [itu]* ada yang Kedah. *Okay [baiklah]* bagi saya spesifik, lawa sikit (menyenaraikan negeri mentor – mentor).

WMA : Banyaknya.

NAA : Semua negeri ada.

RM : Okay syair lagi, selain kita buat pertandingan antarabangsa apa lagi ha? Kenapa tak ingat? Bila kau *interview [temubual] ni [ini]* aku tak ingat, kau balik *tu [itu]* baru aku ingat.

WMA : (Ketawa)

RM : Jadi, buat persembahan di luar, itu saya *dah [sudah]* sebut tadi kan?

WMA : (Setuju)

RM : *Takpe [Tidak mengapa]* lah *tulah [itulah]* cukuplah *takde [tiada]* apa, kalau ada soalan tambahan nanti *whatsapp [mesej]* saya lah.

**WMA : Encik, berkenaan dengan festival syair tadi, boleh saya tahu badan yang terlibat?**

RM : Badan terlibat, persatuan saya lah.

WMA : Nama persatuan?

RM : Persatuan Bitara Syair Melayu Nusantara. Anta - okay antara penganjur dia *meh* [mari] saya tulis sekali lagi.

WMA : Boleh, atas kertas (menghulur kertas).

RM : (Menyenaraikan nama – nama badan yang terlibat) empat badan *ni* [ini] lah yang- kalau di Indonesia, Balai Pelestarian Nilai Budaya ha kalau Indonesia lah ha itu antara badan yang \_\_\_\_\_. Lepas tu RRI, RRI *ni* Radio Republik Indonesia. Inilah badannya yang berada dibelakang *kegiatan* [festival syair].

**WMA : *Okay* [baiklah] kita beralih ke bidang nyanyian pula Encik.**

RM : *Okay* [baiklah], jangan suruh aku nyanyi sudah.

**WMA : (Ketawa) Tak, adakah Encik juga menceburi bidang nyanyian lagu tempatan?**

RM : Saya mula menyanyi pada - secara serius ha? Tahun *enam puluh lima* [65] lah masa *tu* [itu] pakai seluar pendek lagi tapi masa *tu* [itu] saya nyanyi lagu – lagu pop lah *Pop yeah yeah* [genre lagu] lah saya sebut tadi (menyanyi) kan *masa tu* [semasa itu] lagu – lagu *Pop yeah yeah* [genre lagu]. Kemudian bila *Pop yeah yeah* [genre lagu] sudah tak ada pada tahun *tujuh puluh an* [70 an] *Pop yeah yeah* [genre lagu] *ni* [ini] *tiga* [3] tahun *je* [sahaja] dia meletopnya kan. Pada

awal *tujuh puluh* an [70 an] *tu* [itu] saya dah mula beralih pada nyanyi lagu – lagu yang bukan *Pop yeah yeah* [genre lagu] lah tapi masa *tu* [itu] dah *handsome* [kacak] sikit, dah pandai pakai seluar panjang kan, umur pun dah mula lima belas [15] *enam belas* [16] tahun. Jadi, saya mula menyanyi *tu* [itu] memang umur *tiga belas* tahun [13] lah nak tanya bila mula menyanyi. Tapi nyanyian *ni* [ini] dia bukan satu benda yang - kan dia sampingan, kadang tak menyanyi ha kan. Kadang *tu* [itu] tengok undangan, kadang *tu* [itu] masa saya di [kerjaya] wartawan *tu* [itu] saya *dah* [sudah] beralih kepada bidang drama tv [televisyen] *tu* [itu] *dua puluh* [20] tahun saya tak menyanyi sangat haa macam *tu* [itu] lah *support* [sokong] belakang dia panggil, tapi kalau tadi mula umur *tiga belas* [13] tahun.

**WMA : Adakah minat Encik terhadap bidang nyanyian ni memang timbul sejak dari sekolah rendah lagi?**

RM : Dia macam *ni* [ini], nyanyi *ni* [ini] dia tidak menjadi satu - perjuangan dalam nyanyi *tu* [itu] lagu rakyat *tu* [itu] [perjuangannya] kan sebab lagu rakyat *tu* [itu], dia menyanyi *tu* [itu] macam satu benda yang spontan dia - kan saya nyanyi kena pergi ke tempat yang ada musik dengan sendiri. Orang panggil, nyanyi lah. Dia spontan *je* [sahaja]. Tapi kalau sebut perjuangan dalam bidang nyanyian, saya memperjuangkan lagu rakyat haa kan sehinggalah ke luar negara dan klimaksnya bila saya menang di Ryazan, Rusia tahun *dua ribu dua puluh*

*satu* [2021] *tu* [itu] kan. Kena catatlah *tu* [itu] sejarah *tu* [itu]. Pertandingan di Ryazan, Rusia *dua ribu dua puluh satu* [2021], sebab saya dapat *Lauareate of II Degree* [pemenang ijazah II] masa *tu* [itu]. Tapi punyalah lama bayangkan berapa tahun kan berapa lama saya menyanyi perjuangan *tu* [itu] panjanglah. Sebab mana ada pertandingan lagu rakyat *kat* [dekat] sini kat Malaysia. Baru sekarang ada pun zaman saya dulu mana ada pertandingan.

**WMA : Adakah Encik pernah menyertai apa-apa pertandingan dan aktiviti (RM mencelah).**

RM : Masa di Temerloh ada lah pertandingan nyanyian, dulu orang panggil *Talent Time* [rancangan televisyen] kan. *Lepas tu* [Selepas itu] *takde* [tiada] dah. Saya tak suka masuk pertandingan sebenarnya, saya ingat itulah satu saya masuk - dua kali tahun *tujuh puluh dua* [72] sekali itu pertandingan nyanyi seluruh negeri Pahang saya masuk *final* [akhir] lah. Sebelum *ni* [ini] pun banyak, ramai sangat *tu* [itu] tapi masuk *final* [akhir]. *Final* [akhir] tu *sepuluh* [10] orang tak silap saya tapi tak menang la. Kemudian tahun kechap (mengingati kembali) tak lama lepas itu - tahun *tujuh puluh* [70] berapa ha? Ha saya masuk satu lagi pertandingan. Itu saya dapat nombor dua. Masa *tu* [itu] bukan lagu rakyat lah lagu nyanyi lagu biasa – biasa.

**WMA : Soalan seterusnya, apakah yang membuatkan Encik tertarik [bunyi telefon berdering] dengan bidang nyanyian *ni* [ini]?**

**RM :** Dia bukan tertarik, dia tiba – tiba dia menjadi macam *tu* [itu] *je* [sahaja]. Nak cakap tertarik macam mana? Lagipun kalau dulu la nyanyi *tu* [itu] kan salah satu bidang seni yang dominan kepada semua orang kan [bunyi pintu dibuka]? Cuma boleh tak boleh menyanyi *je* [sahaja] ha kan macam *tu* [itu] lah. Dan saya fikir *bila* [apabila] saya menyanyi adalah “eh okay *gak* [juga] aku *ni* [ini] boleh”-nyanyi *je* [sahaja] lah kan. *Gitu* [begitu] *je* [sahaja] dia bukan masalah tertarik dia kalau kita menyanyi tiba – tiba nyanyi *lepas tu* [selepas itu] orang suruh balik *en* [kan] “eh kau balik lah” mungkin terberhenti setakat itu. Bila kita nyanyi orang suka dan kita pun “ah teruskanlah” macam *tu* [itu] kan.

**WMA : Okay [baiklah] selain itu, apakah antara lagu – lagu yang Encik nyanyikan? Lagu Encik *ah* [lah]?**

**RM :** Tak ingatlah, banyak sangat nyanyi. Saya suka lagu Hindustan, kan idola saya Mohammed Rafi. Jadi semua lagu – lagu Mohammed Rafi *tu* [itu] dulu saya hafal lah dan saya nyanyi lagu *tu* [itu] *kat* [dekat] pentas pun. Dan saya suka Ahmad Jais jadi saya nyanyilah lagu – lagu Ahmad Jais. Antaranya yang - lagu lain ada *jugak* [juga] sehinggalah saya ada album sendiri, itu dah pergi lagu rakyat lagu saya lah kan? Tapi sebelum *tu* [itu] saya banyak nyanyi lagu Ahmad Jais, lagu Mohammed Rafi [bunyi telefon] itu idola saya kan? Kalau -



Mohammed Rafi, Ahmad Jais *tu* [itu] antara idola saya *jugak* [juga] itulah antaranya.

**WMA : Boleh tahu ke [kah] antara nama-nama lagu tempatan *tu* [itu]? Lagu Encik?**

RM : (Mengeluh) Yang saya nyanyi masa *tu* [itu] eh (bertanya)?

WMA : Haah (setuju).

NAA : Haah (setuju).

RM : ‘Harapan kecewa’, Ahmad Jais. ‘Gelisah’, Ahmad Jais. *Lepas tu* [Selepas itu] lagu *ni* [ini] antara lagunya ‘Gelisah’ pun Ahmad Jais, ‘Harapan Kecewa’ Ahmad Jais. *Lepas itu* [Selepas itu] (menyanyi) apa tajuk lagu *tu* [itu].

WMA : Sedap *ah* [lah].

RM : Kemudian lagu - banyaklah lagu Ahmad Jais banyaklah antara lagunya ‘Diambang Soreh’ haa saya minat lah lagu *tu* [itu]. Kalau lagu Mohammed Rafi puas nak *ngeja* [mengeja] karang, banyak lagu Mohammed Rafi. Antara lagu – lagu yang saya nyanyi lah. Yang saya pernah masuk buat pertandingan ‘Harapan Kecewa’ *tu* [itu] saya masuk pertandingan kan. Oh lagu tadi ‘Kemana Dimana’, Ahmad Jais.

**WMA : Kalau lagu – lagu Encik? Lagu Encik sendiri?**

- RM : Saya ada *lima belas* [15] buah album sebenarnya.
- WMA : Bagi antara lagu – lagu yang popular.
- RM : Sekarang lagu ‘Lemak Manis’.
- WMA : (Setuju) ‘Lemak Manis’ lah kan, selain itu?
- RM : ‘Menghilir Sungai Pahang’.
- WMA : Oh.
- RM : Kalau di sini lagu, saya *taktau* [tak tahu] sebab saya jarang dengar radio tapi saya dengar lagu ‘Tenun Pahang’ pun popular, lagu orang muda popular. ‘Menghilir Sungai Pahang’ dengan ‘Lemak Manis’ *tu* [itu] memang selalu disiarkan di radio. Kalau ‘Lemak Manis’ *tu* [itu] semua saluran radio dia siar, ‘Seloka Pak Kaduk’ pernah disiarkan lama *jugak* [juga] di radio.
- WMA : Lagu ‘Lemak Manis’ *tu* [itu] pun sekarang *kat* [dekat] *social media* [media sosial] pun -
- RM : Sekarang sampai ke Indonesia, lagu *tu* [itu] dekat Indonesia tengah popular sekarang *ni* [ini] *dah* [sudah] dirakam oleh penyanyi *kat* [dekat] Indonesia *jugak* [juga] dan digunapakai oleh pelajar – pelajar sekolah *kat* [dekat] sana pun, selain daripada Malaysia.
- WMA : **Encik mempunyai *lima belas* [15] buah album, boleh namakan salah satu? Atau pun sedikit?**
- RM : Album - dia nama – nama album *tu* [itu] album pertama *tu* [itu] Namanya ‘Lagu

Rakyat' dia ada *sepuluh* [10] lagu kan. Kemudian, macam mana? Saya *cover* [kulit muka depan] saya boleh hantarlah *cover* [kulit muka depan] album *tu* [itu], tapi saya kena hantar dalam *Whatsapp* lah kan.

WMA : *Takpe* [tak apa] boleh.

RM : Kalau nak saya boleh hantarlah nanti, sebab dalam komputer *ni* [ini] *cover* [kulit muka depan] dia ada tajuk sekali kan? Senang.

WMA : Kemudian.

RM : Kalau nak berkaitan gambar bagitahulah saya, saya hantar.

WMA : Boleh.

**WMA : Siapakah yang mengarang lagu – lagu Encik?**

RM : Lagu saya, saya mengarang sendiri maksudnya saya gubah sendiri, seni kata pun saya sendiri, tapi ada lagu – lagu yang saya ambil daripada orang – orang tua ya, penyelidik – penyelidik dahulu, orang tua dan kita kreatifkan lah masa rakaman. Sebagai contohnya lagu 'Seloka Pak Kaduk' *tu* [itu] saya dapat daripada seorang responden, tapi dia menyanyi *takde* [tak ada] lah macam saya memang menyanyi, saya penyanyi dia bukan penyanyi jadi cengkoknya *tu* [itu] cengkok saya lah tapi lagu – lagu dia lah. Ada beberapa lagu yang saya ambil dari orang – orang tua, orang – orang tua dulu kan dia menyanyi lurus *je* [sahaja] kan? Sampai ke kita, kita kreatifkan lah. Tapi kita tak mengubahlah melodi, cuma melodi *tu* [itu] gaya kita macam itulah. Tapi banyak juga lagu yang saya gubah

sendiri, lirik sendiri, banyak *jugak* [juga].

**WMA : Berkenaan dengan lagu yang digubah oleh Encik, bagaimanakah tercetusnya idea untuk membuat dan mencipta lagu tersebut? Adakah daripada idea sendiri atau orang lain?**

RM : Saya *ni* [ini] suka berangan, *bila* [apabila] saya berangan saya pegang *rebana* [alat musik tradisional] saya nyanyi. Dia lahir dia mengalir *je* [sahaja]. Berangan *tu* [itu] maksudnya saya - kita teringat tentang sejarah. Katalah, tentang Sungai Pahang ke sambil tepuk rebana kita teringatlah Sungai Pahang *tu* [itu] macam mana, kita pernah mandi *kat* [dekat] situ, kita teringat sejarah dia jadi benda *tu* [itu] mengalirlah. Begitu keadaan lain, kadang – kadang kita *imagine* [bayangkan] tentang Tun Teja sebagai contohnya. Kita *dah* [sudah] baca sejarah Tun Teja kita nyanyi dan dia keluarlah. *Lepas tu* [Selepas itu] kita rakam, kita *compresskan* [memampatkan] kita harmonikan kita buat cantik – cantiklah lirik *tu* [itu] elok – eloklah tapi selalunya lahir dalam keadaan spontan dia tidak sempurna kan tapi kita dah ada dia punya lagunya dah ada liriknya secara kasar *dah* [sudah] ada macam *tu* [itu] lah. Sebab saya bukan menggubah lagu mengikut nota musik orang tulis catat satu - cara saya kita spontan *je* [sahaja].

RM : Dah berapa ratus soalan?

WMA : (Ketawa)

**WMA : Encik pernah menang apa – apa anugerah dalam bidang nyanyian?**

RM : Yang tertinggi tadi lah saya sebut *kat* [dekat] *Russia* [Rusia] tadi, *kat* Ryazan Rusia *tu* [itu] saya dapat Diploma *Laurette of II degree* [pemenenag]. Kemudian saya dapat Maestro Syair di *Tanjung Pinang* [Indonesia]. Maestro bermakna dalam bidang itu satu – satunya kan? Itu tahun *dua ribu lapan belas* [2018] yang Ryazan Rusia *tu* [itu] tahun *dua ribu dua puluh satu* [2021]. Kemudian saya dapat baru *ni* [ini] Lagenda Lagu Rakyat di *KL* [Kuala Lumpur], itu tahun lepas [2022]. Kemudian, apa lagi huh (berfikir) - saya juga pernah diberi sebagai raja lagu rakyat oleh satu persatuan di Perak. Tahun berapa lupa dah. Apa lagi? Beberapa - tapi anugerah yang secara rasminya tadilah di Ryazan Rusia *tu* [itu] sebab *tu* [itu] daripada kerajaan kan? Kemudian di *Tanjung Pinang tu* [itu] oleh kerajaan *jugak* [juga], oleh apa tu Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan di Indonesia *tu* [itu]. Ha itu yang rasmi lah. Yang Maestro Syair *tu* [itu] daripada Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan Indonesia. Macam Raja Syair Nusantara *tu* [itu], itu diberi oleh satu organisasi *NGO* [organisasi bukan kerajaan] *je* [sahaja]. Jadi ha kalau nak yang secara rasmi kerajaan macam Lagenda Lagu Rakyat *tu* [itu] oleh *NGO* [organisasi bukan kerajaan] di *Kuala Lumpur* [KL] *jugak* [juga], bukan daripada kerajaan. Antaranyalah yang lain – lain *tu* [itu] tak payah sebut *kot* [mungkin].

**WMA : Bagaimanakah penerimaan orang ramai terhadap lagu – lagu tersebut ketika itu?**

RM : Lagu rakyat *ni* [ini] satu ketika tak popular pun orang tak minat pun, kan? Tapi bila kebelakangan *ni* [ini] bila ada *tiktok*, ada bagai – Bagai aplikasi *ni* [ini] dan dinyanyi *pulak* [pula] ada musiknya dan orang mula - orang minatlah kan. Dulu orang tak minat sangatlah. Bila saya *start* [mula] rakam tahun *dua ribu dua* [2002] *tu* [itu] saya menggunakan alat musik, orang dah minat sedikit sebanyaklah sebab lagu rakyat dulu asalnya bukan ada musik pun satu instrumen *je* [sahaja] kan? Jadi bila kita menyanyi lagu rakyat gunakan - kita gubah musiknya menjadi satu benda yang orang mula suka lah tapi sekarang *ni* [ini] ditambah dengan apa *tu* [itu] - segala macam media sosial *ni* [ini] jadi lain sikit.

**WMA : Okay [baiklah], apakah perasaan apabila lagu – lagu Encik dimainkan dicorong – corong radio dan dikebanyakkan majlis?**

RM : Saya fikir berbaloi dengan perjuangan saya yang lama *tu* [itu] kan, saya dah - macam saya sebut tadilah saya - kalau secara perjuangannya, awal tahun *dua ribu* [2000] dah saya berjuang. Saya lagu rakyat *ni* [ini] saya mula mempopularkannya pada tahun *sembilan belas lapan puluh dua* [1982] lagi, tapi masa itu tidak konsistenlah sebab saya ada kerja lain. Kita ada apa? Tuntutan kerja kan, cari nafkah untuk keluarga dan sebagainya. Jadi benda *tu* [itu] tidak

menjadi satu perjuangan sangat tapi bila saya mula – mula saya rakam tahun *dua ribu dua* [2002] *tu* [itu] saya fikir saya sudah memang berjuang sungguh – sungguh untuk lagu rakyat *ni* [ini] kan? Sampailah sekarang *dah* [sudah] berapa tahun? *dua ribu dua* [2002] dekat - ada *tiga puluh* [30] tahun? lebih kurang kan?

WMA : Dua puluh [20].

RM : *Dua puluh* tahun [20], *dua puluh tahun* [20] lebih, jadi bila diiktiraf macam sekarang *ni* [ini] bila di - bila popular maknanya dia iktiraf, diiktiraf secara tidak rasmi oleh masyarakat, saya fikir berbaloi dengan perjuangan yang lama *tu* [itu] kan? Katalah kalau saya tidak berjuang, menyanyi, berhenti, mungkin benda *tu* [itu] habis setakat *tu* [itu] kan? Jadi saya fikir anugerah – anugerah *tu* [itu] sebenarnya kerana perjuangan yang panjang itulah kan. Saya fikir disitu bukan masalah puas hati tapi maksudnya hasil daripada perjuangan yang panjang *tu* [itu] akhirnya diterima, diterima *tu* [itu] pada saya *dah* [sudah] cukup bagus dah. Semua orang *tu* [itu] kan - *bila* [apabila] benda *tu* [itu] diterima itu kita *dah* [sudah] rasa syukurlah kan.

### TAMAT BAHAGIAN 3

#### BAHAGIAN 4: SUMBANGAN ATAU CABARAN

**NAA : Sepanjang penglibatan Encik dalam bidang syair ini, apakah pencapaian yang pernah Encik terima dalam negara?**

RM : *Takde* [tiada] (ketawa). Dalam negara tidak ada pengiktirafan pun [bunyi notifikasi telefon bimbit] seingat saya *takdelah* [tiadalah]. Kalau pengiktirafan tu macam saya sebut tadilah Maestro Syair dia ada *Kementerian Pendidikan Indonesia* [KPI], *kat* [dekat] Indonesia ada anugerah, *kat* sini *takde* [tiada]. Pengiktirafan secara rasmi, pengiktirafan secara orang panggil saya pergi ceramah dan sebagainya *tu* [itu] mungkin adalah. Mungkin sekarang saya jadi Felo, mungkin juga satu benda yang berkaitan dengan satu pegawai tersebut tapi tidak secara rasmi sebab saya jadi Felo Perunding Seni Budaya, tapi saya fikir di Indonesia, anugerah Maestro Syair adalah satu pengiktirafan dan *bila* [apabila] saya jadi Pensyarah Tamu di Universiti Utara *satu* [1] semester khusus untuk syair juga satu pengiktirafan bagi sayalah. Itulah antaranya.

**NAA : Adakah Encik ada mendapat apa – apa pencapaian diluar negara? Macam Brunei, Indonesia semua *tu* [itu]?**

RM : Pencapaian pengiktirafan dalam bentuk secara tidak langsung itulah sebagai contoh di Indonesia memang pernah dapat anugerah, di Brunei pun tidak dalam bentuk anugerah tapi saya *dah* [sudah] pernah pergi ke Brunei dan buat persembahan disana di depan tokoh – tokoh di sana lah. Mungkin pengiktirafan



secara tidak rasmi lah kan, secara rasminya *takde* [tiada]. Di Singapura pun, pernah buat persembahan, jadi pengiktirafan secara kawan – kawan secara tidak rasmi tu adalah. Cuma secara khusus, benda *tu* [itu] *takde* [tiada]. Jadi secara khususnya di Indonesia [gangguan bunyi bising], saya fikir dua *tu* [itu] pengiktirafanlah sebagai Pensyarah Tamu dan sebagai Mestro Syair tu pengiktirafanlah sebab daripada kerajaan.

**NAA : Apakah sumbangan dan pencapaian Encik terhadap bidang syair ini?**

RM : Sumbangan saya fikir ialah daripada tahun *dua ribu lima* [2005] saya tak henti – henti mengajar dalam bengkel – bengkel, kelas sehinggalah saya menubuhkan akademi syair, maknanya saya masih lagi berkhidmat memberi bimbingan syair. Mengikut tempat, suasana dan sebagainya [bunyi ketikan pen] sampai sekaranglah daripada tahun *dua ribu lima* [2005] [bunyi ketikan pen].

**NAA : Apakah pentas terbesar ataupun tertinggi yang pernah Encik libatkan diri?**

RM : Selain daripada *Russia* [Rusia] tu, iaitu lagu rakyat tu kan bukan syair, saya pernah diundang di Jakarta di Senayan ni satu *stage* [pentas] yang sangat besar untuk bersyair, kemudian apa dia eh - (berfikir) [bunyi pintu] saya pernah juga bersyair di depan Perdana Menteri ketika itu Dato' Seri Najib di *Kuala Lumpur*

[KL]. Saya pernah bersyair di depan [bunyi pintu] *Yang di-Pertuan Agong* [YDPA]. Ha *yelah* [ya lah] di *KL* [Kuala Lumpur] *masa* [semasa] *tu* [itu] [bunyi notifikasi telefon bimbit]. Saya rasa *Yang di-Pertuan Agong* [YDPA] sebab dalam Dewan Bahasa *tu* [itu] dia ada satu majlis raja – raja akan datang tak silap saya. Syair ya betul lah tak silap saya (mengingat sesuatu), [bunyi ketikan pen] macam baru *ni* [ini] (berdehem) dekat Pesta Buku Antarabangsa *KL* [Kuala Lumpur], saya ada buat satu *stage* [pentas] tabung puisi, saya dengan satu penyair dari Indonesia, maksudnya ---. Poster nanti saya hantar. Maksudnya *dua* [2] orang, Malaysia saya, dia Indonesia, saya tentang puisi tradisional syair, dia tentang puisi moden. Itu antara pentas ilmu besar juga saya anggap besar. Di Singapura *tu* [itu], saya tak ingat nama tempat *tu* [itu]. Tapi memang *stage* [pentas] itu besar lah sebab Singapura kan, *International* [Antarabangsa]. Saya pernah juga buat persembahan dari Indonesia pun banyak juga pentas – pentas yang besar macam di Jakarta, ada beberapa lah rasaya.

**NAA : Okay [Baiklah] next question [soalan seterusnya] pernahkah Encik berkongsi pentas atau bekerjasama dengan orang – orang besar atau berpengaruh?**

**RM :** Maksud berkongsi pentas, persembahkanlah *ni* [ini]? Pernahlah. Dalam – Citrawarna Malaysia tahun lepas, saya di satu pentas dengan Jamal Abdillah di Kuching, Sarawak. Saya bersyairlah, dia menyanyilah lagu pop dia,

antaranyalah kan. Saya pernah juga satu pentas dengan arwah Dato' Ahmad Jais (berfikir) – di Pahang masa tu, Masa tu dengan Mawi, Mawi baru keluar Akademi Fantasia. Saya, Mawi, Dato' Ahmad Jais dengan kak \_\_, *Akademi Fantasia* [rancangan televisyen] juga masa tu. Mawi tengah letup – letup *masa* [semasa] *tu* [itu], datang dengan helikopter kan, *lepas tu* [selepas itu], (mengingat kembali) siapa lagi eh? yang nama besar – besar lah kan. Dato' Jamal besar *dah* [sudah] *tu* [itu]. Siapa lagi eh? dengan M Nasir. Saya mula – mula datang *KL* [Kuala Lumpur] dulu, saya dengan M Nasir pun baru datang *KL* [Kuala Lumpur], daripada *Singapore* [Singapura] kan, kami *sepentas* [satu pentas], saya nyanyi lagu rakyat, masa *tu* [itu] saya guna *rebana* [alat musik tradisional] *je* [sahaja] saya belum ada album, M Nasir guna gitar *je* [sahaja]. Kami satu pentas dengan *dia* [Dato' M Nasir] lah di Dewan Bandaraya *Kuala Lumpur* [KL], itu antaranyalah - yang saya ingatlah sebab awak cakap yang *besar* [orang berpengaruh] kan, kalau *kecik – kecil* [kecil – kecil] banyaklah (ketawa kecil). Ha macam *tu* [itu] lah.

**NAA : Adakah Encik menyediakan kelengkapan Encik sendiri ataupun Encik ada menerima sumbangan daripada mana – mana pihak?**

RM : Maksudnya apa *tu* [itu]?

NAA : Macam buat bengkel.

WMA : Kelengkapan – kelengkapan Encik gunakan *tu* [itu].

NAA : Ha *provide* [sediakan] sendiri atau pun ha.

RM : *Provide* [sediakan] sendirilah. Sebagai contohnya saya bawa music [lagu] segala macam kan. Kebanyakan sendiri.

**NAA : Sepanjang penglibatan Encik dalam bidang ini, apakah kenangan yang tak dapat Encik lupakan.**

RM : Macam mana eh nak cakap. Saya bila bab – bab itu susah nak jawab sebab bagi saya itu semua kenangan, semua benda yang saya buat menjadi kenangan – kenangan, momen – momen yang menarik bagi saya kan. Sebagai contoh *bila* [apabila] saya menyanyi dekat Jepun di bawah *stage* [pentas] *tu* [itu] dengan ramai orangnya kan, tentu lah benda *tu* [itu] kita takkan lupa kan. Jadi benda – benda macam *tu* [itu] lah, jadi momen – momen itu hampir semua benda yang melibatkan saya terutama di peringkat antarabangsa *tu* [itu] menjadi kenangan bagi saya lah kan. Dia bukan jadi kenangan, dia jadi motivasi sebenarnya, dia jadi motivasi untuk kita *move on* [bergerak ke hadapan].

**NAA : Pada ketika itu, siapakah penyair yang paling tersohor?**

RM : (Berfikir) Pendendang syair maksudnya? -. *Takdelah* [Tiadalah], akulah yang masa *tu* [itu] (ketawa). Sebabnya kan saya sebut syair *ni* [ini] memang saya *sorang – sorang* [seorang – seorang] *je* [sahaja]. Jadi, *bila* [apabila] mentor yang

*lapan* [8] *tu* [itu], anak buah saya semua, jadi saya tidak bersaing, saya bersaing dengan diri saya *je* [sahaja]. Kalau pergi Indonesia pun mereka *tu* [itu] responden – *dia orang* [mereka] bukan pendatang dominan pun, dia responden – responden adalah buat hal ke sana ke sini kan, tapi tak menjadi persaingan pun sebab mereka bukan menjadikan kerjaya macam saya pun kan. Ha macam *tu* [itu] lah.

**NAA : Sepanjang Encik bergiat dalam bidang syair ini berapa jumlah karya yang Encik hasilkan?**

RM : (Berfikir) [bunyi pintu] Kalau dalam bentuk buku, saya baru menerbitkan sebuah buku [bunyi ketikan pen], tajuk buku *tu* [itu] ‘Syair Lirik’. ‘Syair Lirik’ tu maksudnya di dalam *tu* [itu], berbagai – bagai tema syair yang saya karang untuk kita edarkan supaya generasi muda *ni* [ini] bila dia nak bersyair ada teks dia boleh pilih dalam *tu* [itu]. Kalau tidak dia orang akan cari saya teks apa eh? macam kadang – kadang sekolah nak buat pertandingan tema dia Hari Guru, dalam *tu* [itu] ada syair Hari Guru. Macam *tu* [itu] lah. Itu sebab saya namakan ‘Syair Lirik’. *Dah* [Sudah] terbit tahun lepas dah. Kemudian – (berfikir) itu dalam bentuk buku, dalam bentuk album *dah* [sudah] ada beberapa, banyak albumlah. Saya ingat album yang khusus untuk syair sahaja ada (mengingat sambil mengira) *satu* [1], *dua* [2], *tiga* [3], *empat* [4], saya ingat itu khusus syair *je* [sahaja], *lima* [5] lah tak silap saya, itu khusus untuk syair *je* [sahaja] lah.

Nanti saya bagi lah gambar - gambar album *tu* [itu]. Ha itu dalam bentuk visual audio lah kan, buku dengan album. Tapi dalam bentuk artikel, saya menulis juga tentang puisi tradisional dalam Dewan Bahasa tentang pantun, syair, seloka dan segala macam lah dalam bentuk artikel - sebagai panduan *dia orang* [mereka] lah.

**TAMAT BAHAGIAN 4**

## BAHAGIAN 5: HARAPAN

**WMA : Apakah cita – cita Encik yang masih belum tercapai?**

RM : Saya nak menerbitkan dan mengarah sebuah filem yang berkaitan dengan puisi tradisional, maksudnya kesenian tradisional lah - maksudnya syair, yang *tu* [itu] tak tercapai lagi, itu cita – cita sayalah, insya-Allah sebab masih sedang berusaha akan terbitkan sebuah filem. Dia filem cereka tetapi isinya perjuangan dalam bidang syair. *Dah* [Sudah] ada sinopsis semua, dah [sudah] ada dah, skrip sedang dibuat, harap – harap dapatlah kan.

**WMA : Apakah harapan Encik terhadap seni syair ini?**

RM : Dia macam *ni* [ini], oleh kerana syair *ni* [ini] atau *bila* [apabila] sebut termasuklah puisi tradisional yang lain, pantun, seloka, nazam. Dia adalah akar kepada tamadun orang melayu. Kenapa saya kata dia akar [bunyi bersiul], pantun adalah cerdik tak cerdiknyanya orang melayu. Keintelektual orang melayu ada dalam pantun, patut tahu pantun klasik. Ilmu feqah ada dalam nazam, nazam itu isi dia ilmu feqah. Dalam gurindam, ada ilmu tauhid. Dalam syair ada tasawwuf. Ini saya mengambil kira, karya – karya klasik. Bukan karya yang sekarang, karya sekarang mungkin *dah* [sudah] lari jauh sedikitlah. Oleh kerana itu, dia menjadi teras ataupun akar budaya hidup kita tamadun sesebuah *bangsa* [Melayu]. Keduanya, sastera moden *ni* [ini] asasnya sastera klasik *ni* [ini] lah (sambil mengetuk meja). Itu sastera negara [Anwar Ridhwan] pernah berkata,

dia kata sastera moden ini berasaskan sastera lisan ini tadi, sastera lisan dan sastera klasik. Oleh kerana dia begitu sifatnya, tadi saya sebut akar (sambil mengetuk meja), dia mestilah diwarisi oleh *generasi awak* [generasi muda]. Dia *tak* [tidak] boleh hilang, kalau hilang, pokok akar dia buang tumbang nanti. Jadi sama ada kesemua orang mengambil bahagian, kesemua komuniti masyarakat atau sebahagian *takpe* [tidak mengapa], yang penting ia mesti dipelihara. Jadi dalam keadaan saya tengok, ia dipelihara walaupun tidak seluruh masyarakat tetapi *dia* [syair] masih terpelihara, jadi akar *tu* [itu] masih ada lah. Jadi harapan, dia mesti berkembang terus dalam masyarakat, dia mesti dipunyai, dia mesti dimiliki, dia mesti diteruskan dalam benda *ni* [ini], ha itu harapan saya. Akar *tu* [itu] *takde* [tiada] *tu* [itu] susah.

**WMA : Apakah perasaan Encik mengenai terdapatnya individu yang lupa akan seni syair ini?**

**RM :** (Berdehem) Tak boleh salahkan *diaorang* [mereka], sebabnya *diaorang* [mereka] bukan lupa, *diaorang* [mereka] tidak diberi pendedahan yang betul. Kalau mengajar pun, mungkin tenaga pengajar itu tidak mahir. Nak mengajar syairnya sebagai contohnya, cikgu *tu* [itu] kena mahir kalau tak mahir anak murid ngantuk nanti. Jadi saya fikir generasi sekarang bukan lupa, dia tidak diberi pendedahan secara bersistem dan keindahan *tu* [itu] *tak* [tidak] sampai *kat* [dekat] dia, kalau keindahan *tu* [itu] sampai *kat* [dekat] dia mesti dia suka. Haah



kan. Jangan salahkan generasi muda, jangan salahkan generasi kini [bunyi bising]. Sebab dekat mereka dikelilingi berbagai – bagai benda, budaya luar yang masuk, mereka lihat dia terus masuk *kat* [dekat] dia, dalam Tiktok. Jadi, kalau kita *tak* [tidak] boleh bersaing dengan teknologi macam mana *diaorang* [mereka] nak dapat benda *tu* [itu]. Daripada syair pun, *bila* [apabila] dia rujuk syair mungkin ada yang suara sumbang mambang, tak minat lah. Jadi maksudnya, keindahan *tu* [itu] kena sampailah ke generasi *ni* [ini]. Jadi baru *diaorang* [mereka] suka. Haah kan, ha macam *tu* [itu]. Motivasi *tu* [itu] penting, jadi kalau mereka *tak* [tidak] dapat motivasi dari benda *ni* [ini], dia pun *tak nak* [tidak mahu] juga. Sebagai contoh *bila* [apabila] tanya dari segi (berfikir) bayaranlah kan, Kawan dia kata, “syair ni apa? em *takde apalah* [tiada apa lah], tak dapat apa”, dia pun tak seronoklah cuba kata “eh kalau bersyair, kalau kau pandai syair nanti orang bayar kau sampai *empat* [4] *lima* [5] ribu” dia nak tak, mesti nak lah. Sebab kan dia akan cari jalan pintas, mereka juga melihat dari segi pulangan kan. Kalau dua – dua bidang, kau menyanyi kau dapat *seribu* [1000], kau bersyair dapat *seratus* [100], dia *amek* [ambil] menyanyi.

WMA : Mesti nak menyanyi.

RM : Macam *tu* [itu] lah maksud saya.

**WMA : Boleh Encik kongsi kesan penglibatan Encik dalam bidang ini keatas kehidupan Encik?**

RM : Kan *tiga* [3] *prinsip* [tauhid, feqah dan tasawwuf] tadi dia membina di situ lah. Maknanya kalau kita masuk ke dalam katalah syair ada ilmu tasawwuf dia membina *jugak* [juga] sebenarnya melalui bidang ini, kesan dia kat situ lah. Dia mempengaruhi hidup kita lah. - sebab apa eh teks ataupun karya – karya syair, gurindam, seloka, nazam, pantun, konteks dia syairlah. Memang dia dalam *tu* [itu] ada banyak ciri – ciri memberi kita motivasi, pengajaran, banyak ada, pendidikan, jadi dengan sendiri benda *tu* [itu] meresap ke dalam kehidupan kita, dia menjadi pendorong kepada kita untuk bermotivasi kan. Syair bukan fantasi mungkin lirik – lirik sebahagian lagu, mungkin ada yang dalam bentuk fantasi, dia *tak* [tidak], dia realiti. Ha kan. Kalau dia menceritakan tentang puteri pun, dia memberi motivasi, tentang kehebatan puteri itu yang kita boleh kongsi. Kan sebagai contohnya lah.

**WMA : Apakah nasihat Encik terhadap mereka yang ingin menceburi bidang syair ini?**

RM : Kena buat sungguh – sungguhlah, sampai menguasai betul – betul lah. Dia *tak* [tidak] boleh hangat – hangat *taik* [tahi] ayam, *tak* [tidak] boleh sekerat jalan [gangguan bunyi]. Kalau tidak nanti apa hasil dia rugi dia, baik cari bidang lain. Buat sungguh – sungguh sehingga sampai ke tahap menguasai dan boleh *pulak* [pula] berkongsi dengan orang lain. Kalau tidak rugi dia [bunyi notifikasi telefon]

**WMA** : Apakah langkah terbaik yang perlu diambil bagi mereka yang berminat akan bidang ini? [bunyi ketawa]

**RM** : Macam mana? Langkah terbaik?

**WMA** : Langkah terbaik yang perlu mereka ambil, contoh terus ke bengkel ke? langkah terbaik untuk mereka yang baru nak mula.

**NAA** : Baru berjinak – jinak macam *tu* [itu].

**RM** : Ya lah. Dia kena masuk bengkel lah, dia kena *paham* [faham] dulu. *Satu* [1] benda *tu* [itu] bila dia *paham* [faham], baru kita suka kan? Kalau kita *tak* [tidak] *paham* [faham] kita pun keliru, “ni apa benda ni [ini], ke mana nak *dibawak* [dibawa] *ni* [ini] kan?”. Dia masuk bengkel, berjumpa dengan tokoh – tokoh, jumpa dengan mentor – mentor yang ada pengalaman supaya *bila* [apabila] dia *share* [kongsi] *tu* [itu] kita rasa “*yes!* [ya]”. Dia *tak* [tidak] boleh menjadi hobi *bila* [apabila] hobi *ni* [ini] dia *tak* [tidak] lama. Dia mesti tahu ke mana akhirnya. Macam mentor – mentor saya, mereka *dah* [sudah] mula mendapat pulangan bayaran, bila dia buat persembahan *diaorang* [mereka] akan dapat bayar sekarang. Dulu masa mula *takde* [tidak ada] pun, apabila *dah* [sudah] sekarang *ni* [ini] panggil *dorang* [mereka] baca syair, kena bayar. Jadi akhirnya mereka mendapat sedikit sebanyak daripada itu dari segi kewangan. Dari segi lain, mereka sudah ada *crowd* [orang ramai] mereka sendiri, *dah* [sudah] ada pelajar mereka sendiri. Dia menjadi motivasi untuk diri *diaorang* [mereka]

*jugak* [juga], mula menulis buku [bunyi notifikasi telefon].

**WMA : Bagaimana Encik melihat masa hadapan bidang syair ini?**

RM : Saya sentiasa optimis, dalam bidang saya, saya *tak* [tidak] pernah rasa *give up* [putus asa], saya sentiasa optimis, suatu ketika dia akan orang suka sama ada macam mana pun, sebagai contohlah, *bila* [apabila] saya nyanyi lagu rakyat, *dua puluh* [20] tahun dulu kan. Saya sentiasa optimis, pada suatu hari *ni* [ini], semua suka lagu rakyat (sambil menuding jari), akhirnya betul menjadi viral *trending* [terkini] sekarang. *Dua puluh* [20] tahun *dah* [sudah] pun. Tapi saya optimis dan saya berlapang dada sebab saya percaya bahawa dunia *ni* [ini] berputar, dia tidak akan kekal begitu sentiasa, *Pop yeah yeah* [genre lagu] lahir pada tahun *enam puluh an* [60 an], *tiga* [3] tahun bertahan *pastu* [selepas itu] dia hilang, pusing *gini* [begini]. Mungkin suatu ketika dia akan ke situ balik, mungkinlah. Jangan *give up* [putus asa] lah. *Give up – give up* [putus asa] itu saya *takde* [tiada] - lagi satu dia ada pengaruh dan *crowd* [orang ramai] dia tersendiri, pantun ada *crowd* [orang ramai] dia, syair ada *crowd* [orang ramai] dia dan janganlah kita mengharapkan seluruh rakyat Malaysia suka, tak bolehlah *gitu* [begitu]. Ha kalau itu seluruh rakyat Malaysia suka tu dahsyat *dah* [sudah], seluruh bidang pun, bukan semua rakyat suka pun.

**WMA : Adakah Encik mempunyai sedikit nasihat dan pandangan terhadap mereka yang tidak peka akan seni syair ini?**

RM : (Ketawa lalu berfikir sejenak) Dia macam *ni* [ini] tau. Peka *tu* [itu] macam saya sebut tadi la, bukan masalah peka *tak* [tidak] peka, mereka tidak didedahkan sebab benda *ni* [ini] agak terpencil kan? Jadi kalau mereka tahu saya rasa mesti akan suka la. Tapi kalau nasihat saya berbalik kepada *tadi* tu [itu] la, kita kena pegang kukuh akar budaya kita *ni* [ini], salah *satu* [1] akar lah selain benda – benda lain. Jadi, kena pegang lah kalau runtuh rugi lah kan. Kalau orang lain *ambik* [ambil] rugi lah, nasib baik pantun *tu* [itu] *UNESCO* [United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization] iktiraf Malaysia dengan Indonesia, kalau dia iktiraf pantun Indonesia *je* [sahaja] rugi kita, nampak tak? Ha jadi syair *ni* [ini] diiktiraf oleh *UNESCO* [United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization] katalah Indonesia, rugilah kita sebab kita *tak* [tidak] pegang kukuh, orang lain *ambik* [ambil], sebagai contoh lah kan? Jadi kita kena pegang kukuh – kukuh lah kan. Dan kita kena ada rasa cinta kepada budaya kita seni warisan, kita kena ada perasaan *tu* [itu]. Kalau *takde* [tiada] rasa cinta susah la. Dalam semua bidang pun kita kena rasa cinta *takde* [tidak ada] cinta macam kita nak buat kerja. Salah *satu* [1] benda sampingan tapi rasa suka kepada benda *tu* [itu], penting lah kalau *tak* [tidak] macam mana kita nak berkembang.

WMA : *Okay* [Baiklah] Cik.

RM : Itu *je* [sahaja].

WMA : Dengan ini tamatlah sesi temubual mengenai pengalaman dan sumbangan Encik Roslan Madun sepanjang berkhidmat sebagai penyair Melayu dari tahun – *sembilan belas lapan puluh tujuh* [1987] sehinggalah tahun *dua ribu dua puluh tiga* [2023]. Kami mengucapkan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang syair dan nyanyian para penyelidik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

**TAMAT BAHAGIAN 5**

# LAMPIRAN

## LOG WAWANCARA

Nur Alya Azra Binti Zumadi dan Wan Mohamad Aiman Bin Wan Mohamad Nazri telah menjalankan temubual dengan Encik Roslan Bin Madun pada 16 Jun 2023. Temubual ini dijalankan di Universiti Malaysia Pahang, Gambang, Kuantan.

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH		
0:00:53	Menceritakan tentang biodata beliau	<ul style="list-style-type: none"><li>• Roslan Madun</li><li>• Nama pena/gelaran yang tidak kekal: Budi, Budi Hayati, Sayalah RM</li><li>• Berusia 70 tahun</li><li>• Tempat lahir: Kampung Tok Tangguk Durian Tawar. Bera, Pahang</li><li>• Membesar sepenuhnya di Pahang</li><li>• Tarikh lahir: 20 Julai 1952</li></ul>
0:05:15	Menceritakan mengenai keluarga	<ul style="list-style-type: none"><li>• Nama ayah: Haji Madun Bin Haji Syukor</li><li>• Nama ibu: Siti Binti Badur</li><li>• Lima orang adik beradik</li><li>• Anak bongsu daripada lima beradik</li><li>• Sudah berkahwin, mempunyai tiga orang anak dan lapan orang cucu</li><li>• Nama isteri terkini: Aminah Binti Mokhtar</li></ul>



0:08:20	Menceritakan mengenai idola, moto kehidupan, tempat tinggal dan hobi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Idola yang diminati: Mohammed Rafi</li> <li>• Moto kehidupan: Seni itu mendekatkan diri dengan Allah SWT, seni itu jambatan silaturrahim, seni itu zat yang memberi kita kehidupanlah zat yang menyuburkan jiwa manusia.</li> <li>• Tempat tinggal terkini: Semenyih</li> <li>• Hobi: seni suara (menyanyi, bersyair)</li> </ul>
<b>BAHAGIAN 2: LATAR BELAKANG PENDIDIKAN</b>		
0:11:30	Menerangkan kisah awal ketika dizaman persekolahan dan menyertai bengkel-bengkel seni	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mendapat pendidikan sekolah rendah di Sekolah Kebangsaan Durian Tawar, Bera Pahang (1959-1965)</li> <li>• Berangan – angan untuk menjadi pelakon filem</li> <li>• Rakan baik semasa di sekolah ialah Syed Othman bin Syed Shir</li> <li>• Mendapatkan Pendidikan awal di Sekolah Menengah Agama [SMA] Dun Raub, Pahang (1970-1975).</li> <li>• Minat menghafal hadis ketika di sekolah</li> <li>• Nama guru kegemaran ketika disekolah ialah ustaz Mokhtar</li> <li>• Kenangan paling manis disekolah menengah ialah membacakan sajak karya Sabar Bohari</li> <li>• Kenangan manis ketika dibangku sekolah ialah menerbitkan majalah sekolah</li> <li>• Pernah ditawarkan untuk belajar di Institut</li> </ul>

		Kesenian Jakarta tetapi ditolak oleh kerana hal keluarga
<b>BAHAGIAN 3: SOALAN MENGENAI PENGALAMAN KERJAYA</b>		
0:20:20	Menceritakan mengenai pengalaman kerjaya awal sebelum menceburi bidang syair	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kerja awal: pembantu kedai runcit, membuat persembahan kugiran, bekerja di kilang papan, buruh kasar, wartawan</li> <li>• Bekerja sebagai wartawan sejak tahun 1983</li> <li>• Menulis secara bebas sebelum ditawarkan jawatan tetap oleh Karang kraf</li> <li>• Pendorong/pembimbing: Kamal Amir Bin Kamal Hijjaz</li> <li>• Menulis untuk semua jenis majalah di Karang kraf (sukan, hiburan, genre kanak – kanak, remaja)</li> <li>• Cabaran yang dihadapi sebagai wartawan: logistik</li> </ul>
0:36:00	Menceritakan mengenai pengalaman kerjaya sebagai penyair	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mula minat akan seni syair sejak tahun 60an</li> <li>• Mendapat ilmu syair secara berguru dengan orang lama</li> <li>• Tiada persaingan dalam bidang syair</li> <li>• Menganggap bidang syair sebagai tanggungjawab, bukan kerjaya utama</li> <li>• Menceburi bidang ini atas minat sendiri</li> <li>• Turut melakukan persembahan lain seperti lagu rakyat, mengacara, berlakon, mengarah</li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sangat menerima jemputan untuk melakukan persembahan</li> <li>• Tidak menjual apa – apa cenderahati</li> <li>• Tempat paling jauh pernah dilakukan persembahan ialah Daik Lingga</li> <li>• Menubuhkan akademi syair dan pernah mengajar di Universiti Sumatera Utara (Indonesia)</li> <li>• Telah mengendalikan ramai pelajar</li> <li>• Menganjurkan festival syair sejak 2016 di Kuala Lumpur, Medan, Kuantan</li> <li>• Menganjurkan pertandingan syair sejak 2020 hingga kini</li> <li>• Mengadakan bengkel di Singapura</li> <li>• Menerbitkan beberapa album</li> <li>• Mempunyai beberapa orang mentor dalam bidang syair</li> <li>• Badan yang terlibat dalam festival syair termasuklah Persatuan Bitara Syair Melayu Nusantara, Balai Pelestarian Nilai Budaya, Radio Republik Indonesia</li> </ul>
0:57:16	Menceritakan mengenai pengalaman kerjaya sebagai penyanyi	<p>Penyanyi</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mula bernyanyi secara serius pada tahun 1965</li> <li>• Mula bernyanyi sejak 13 tahun</li> <li>• Pernah menyertai pertandingan nyanyia <i>Talent Time</i> pada tahun 1972 di Pahang</li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pernah menyanyikan lagu Ahmad Jais bertajuk harapan kecewa, diambang soreh dan lagu – lagu Mohammed Rafi</li> <li>• Antara lagu sendiri termasuk lemak manis, menghilir sungai Pahang, tenun Pahang, lagu orang muda</li> <li>• Mempunyai 15 album antaranya “Lagu Rakyat”</li> <li>• Mengarang lagu – lagu sendiri dan diambil dari orang – orang terdahulu</li> <li>• Dianugerahkan <i>Laurette of II degree</i> di Ryazan, Rusia, Maestro syair, Lagenda lagu rakyat</li> </ul>
<b>BAHAGIAN 4: SUMBANGAN ATAU CABARAN</b>		
1:11:15	Menceritakan mengenai sumbangan keatas bidang kesenian syair dan puisi tradisional	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dinobatkan sebagai Maestro syair oleh Kementerian Pendidikan Indonesia</li> <li>• Tidak berhenti mengajar dalam bengkel – bengkel</li> <li>• Antara penglibatan dalam pentas terbesar termasuklah bersyair di hadapan Yang di-Pertuan Agong, perdana Menteri</li> <li>• Pernah berkongsi pentas dengan Jamal Abdillah, Ahmad Jais, Mawi, Dato M. Nasir</li> <li>• Kelengkapan bengkel adalah disediakan sendiri</li> <li>• Menerbitkan buku bertajuk ‘Syair Lirik’</li> </ul>

BAHAGIAN 5: HARAPAN		
1:22:20	Menyatakan harapan yang masih belum tercapai dan harapan akan masa depan seni syair dan puisi tradisional	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Cita – cita yang Belum tercapai termasuklah untuk mengarah filem berkaitan dengan puisi tradisional</li> <li>• Berharap agar seni puisi tradisional terus diwarisi generasi muda</li> <li>• Menganggap bahawa mereka yang tidak peka akan seni syair adalah kerana tidak diberi pendedahan sepenuhnya</li> <li>• Menyatakan kesan penglibatan dalam bidang syair termasuk menjadi pendorong dan motivasi</li> <li>• Antara nasihat yang diberi kepada mereka yang ingin menceburi bidang syair ialah untuk melakukannya secara bersungguh – sungguh</li> <li>• Optimis akan masa depan seni syair</li> </ul>

## DIARI KAJIAN

Tindakan sebagai penyelidik sepanjang kajian ini berjalan adalah:

Tarikh	Tindakan
30 Mac 2023	Penyelidik mencari maklumat mengenai syair dan nyanyian lagu rakyat.
6 April 2023	Penyelidik membuat carian maklumat di dalam internet: <ol style="list-style-type: none"><li>1. Mencari maklumat mengenai penyair Melayu</li><li>2. Mencari latar belakang Roslan Madun</li></ol>
12 April 2023	Penyelidik telah melakukan pencarian maklumat di dalam internet dan telah mendapatkan: <ol style="list-style-type: none"><li>1. Nombor telefon</li><li>2. Alamat</li></ol>
29 April 2023	Penyelidik mencari maklumat yang lebih terperinci mengenai tokoh didalam internet. Sebagai contoh: <ol style="list-style-type: none"><li>1. Latar Belakang Roslan Madun</li><li>2. Kegiatan seni Roslan Madun</li><li>3. Sumbangan Roslan Madun</li></ol>
22 Mei 2023	Penyelidik menyiapkan soalan kajian untuk sesi temuramah berkaitan dengan syair dan nyanyian lagu rakyat.
23 Mei 2023	Penyelidik menghubungi tokoh melalui telefon (012-9013636) untuk mendapatkan persetujuan bagi menjalankan temubual kajian serta mendapatkan tarikh temu bual.
16 Jun 2023	Sesi temu bual kajian dijalankan pada jam 9.30 pagi sehingga 11.30 pagi.
28 Julai 2023	Penyelidik menyiapkan transkrip mengenai Roslan Madun.
31 Ogos 2023	Penyelidik menghantar transkrip yang siap sepenuhnya kepada pensyarah.

# SENARAI SOALAN

## 1 SESI

**Pengenalan:** *[rakam sebelum temubual]*

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai **latar belakang dan pengalaman hidup** seorang tokoh dalam **bidang syair dan nyanyian**. Bersama – sama kami ialah **Encik Roslan Madun** yang merupakan seorang **penyair dari tahun 1987 sehingga 2003**. Rakaman ini dijalankan pada tarikh **16 Jun 2023** bersamaan dengan hari **Jumaat** pada pukul **9.30 pagi** bertempat di **Universiti Malaysia Pahang, Gambang, Kuantan, Pahang**. Temubual ini dikendalikan oleh **Nur Alya Azra Binti Zumadi** dan **Wan Mohamad Aiman Bin Wan Mohamad Nazri**. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.

## **1.0 Soalan Mengenai Latar Belakang Tokoh**

1. Boleh tak kami tahu nama penuh Encik?
2. Adakah Encik mempunyai nama gelaran?
3. Boleh Encik bagi contoh yang nama pena tu?
4. Seterusnya, boleh kami tahu berapakah umur Encik?
5. Dimanakah tempat Encik lahir?
6. Memang adakah Encik membesar sepenuhnya di Pahang?
7. Bilakah Encik dilahirkan? Tarikh lahir Encik?
8. Siapakah nama ayah Encik?
9. Siapakah nama ibu Encik?
10. Berapakah bilangan adik – beradik Encik?
11. Encik anak ke berapa?
12. Apakah Encik sudah berkahwin dan mempunyai keluarga?
13. Kemudian, siapakah nama penuh isteri Encik?
14. Siapakah idola yang Encik minati?
15. Apakah motto kehidupan Encik?
16. Sekarang dimanakah tempat Encik menetap?
17. Apakah hobi Encik?



## **2.0 Soalan Mengenai Latar belakang Pendidikan**

### **2.1 Peringkat Sekolah Rendah**

1. Di manakah Encik mendapat pendidikan sekolah rendah?
2. Pada tahun berapakah Encik memasuki sekolah rendah?
3. Apakah cita – cita Encik ketika dibangku sekolah?
4. Siapakah kawan baik Encik ketika itu?

### **2.2 Peringkat Sekolah Menengah**

5. Di manakah Encik mendapat pendidikan sekolah menengah?
6. Pada tahun berapakah Encik menamatkan pengajian sekolah menengah?
7. Apakah subjek kegemaran Encik ketika dibangku sekolah?
8. Siapakah nama guru kegemaran encik ketika disekolah menengah?
9. Bolehkah Encik ceritakan serba sedikit kenangan manis Encik Ketika di sekolah menengah?
10. Adakah Encik melibatkan diri dengan apa – apa kelab persatuan?
11. Ketika itu, adakah Encik menyandang apa – apa jawatan?
12. Boleh Encik kongsi kepada kami pengalaman yang tidak dapat dilupakan sepanjang sekolah menengah?
13. Selepas tamat sekolah, adakah Encik melanjutkan pelajaran ke peringkat pengajian tinggi? Dekat mana?

### **3.0 Soalan Mengenai Pengalaman Kerjaya**

#### **3.1 Kerjaya awal**

1. Waktu Encik melanjutkan pelajaran maksudnya menyertai bengkel bengkel tu adakah Encik buat apa – apa kerja sambil waktu tu?
2. Encik ada memulakan kerjaya sebagai seorang wartawan, boleh saya tahu berapa lama Encik bekerja sebagai wartawan?
3. Bagaimana Encik mendapat pekerjaan tersebut? Sebagai wartawan tu.
4. Siapakah yang memberi dorongan kepada Encik ketika itu?
5. Sepanjang Encik bertugas sebagai wartawan, boleh Encik ceritakan bagaimana Encik buat kerja tu?
6. Jika Encik masih ingat apakah jabatan jabatan atau unit yang ada ketika itu?
7. Adakah rakan – rakan sekerja Encik ketika itu sebaya atau berbeza umur?
8. Adakah rakan – rakan sekerja Encik sentiasa membantu Encik sepanjang Encik bertugas?
9. Apakah kejayaan yang dicapai oleh Encik ketika itu?
10. Apakah antara cabaran ataupun halangan yang dihadapi ketika itu?
11. Apakah pengalaman manis sepanjang Encik bekerja disitu? Sebagai wartawan.
12. Bolehkah Encik kongsi juga pengalaman pahit yang tak dapat Encik lupakan sepanjang bekerja sebagai wartawan?

#### **3.2 Penyair**

13. Pada tahun bilakah Encik mula aktif dalam bidang syair?
14. Bagaimanakah Encik mendapat ilmu yang mendalam mengenai bidang seni syair ini?
15. Adakah Encik mempunyai persaingan yang banyak sepanjang mendalami bidang seni syair ini?
16. Adakah Encik mengangkat bidang syair ini sebagai kerjaya utama Encik?
17. Adakah Encik memfokuskan bidang syair ini sebagai sumber pendapatan utama?
18. Siapakah yang memberi dorongan dan sokongan untuk Encik menceburi bidang syair sebagai kerjaya Encik?

19. Ada tak ahli – ahli keluarga Encik yang turut mendalami bidang syair ni [ni]?
20. Selain daripada syair, adakah Encik melakukan apa – apa persembahan lain? Apakah persembahan tersebut?
21. Sepanjang penglibatan Encik dalam bidang syair ini, dimanakah tempat paling jauh pernah Encik buat persembahan?
22. Adakah Encik ada membuka kelas ataupun mengajar anak – anak muda dalam bidang syair?
23. Sepanjang Encik mengajar dalam bidang syair ni [ini], ramai tak pelajar yang Encik kendalikan?
24. Antara mentor – mentor ni, semuanya masih aktif?
25. Encik, berkenaan dengan festival syair tadi, boleh saya tahu badan yang terlibat?

### **3.3 Penyanyi**

26. Adakah Encik juga menceburi bidang nyanyian lagu tempatan?
27. Adakah minat Encik terhadap bidang nyanyian ni timbul sejak dari bangku sekolah rendah lagi?
28. Adakah Encik pernah menyertai apa – apa pertandingan dan aktiviti nyanyian sewaktu sekolah menengah dahulu?
29. Apakah yang membuat Encik tertarik dengan bidang nyanyian ini?
30. Apakah antara lagu – lagu yang Encik nyanyikan?
31. Boleh tahu ke antara nama – nama lagu tempatan tu? Lagu Encik.
32. Kalau lagu – lagu Encik? Lagu Encik sendiri?
33. Encik mempunyai lima belas buah album, boleh namakan salah satu? Ataupun sedikit?
34. Siapakah yang mengarang lagu – lagu Encik?
35. Berkenaan dengan lagu yang digubah oleh Encik, bagaimanakah teretusnya idea untuk membuat dan mencipta lagu tersebut? Adakah daripada idea sendiri atau orang lain?
36. Encik pernah menang apa – apa anugerah dalam bidang nyanyian?
37. Bagaimanakah penerimaan orang ramai terhadap lagu – lagu tersebut ketika itu?

38. Apakah perasaan apabila lagu – lagu Encik dimainkan dicorong – corong radio dan dikebanyakan majlis?

#### **4.0 Soalan Mengenai Sumbangan atau Cabaran**

1. Sepanjang penglibatan Encik dalam bidang syair ini, apakah pencapaian yang pernah Encik terima dalam negara?
2. Adakah Encik ada mendapat apa – apa pencapaian diluar negara? Macam Brunei, Indonesia semua tu?
3. Apakah sumbangan dan pencapaian Encik terhadap bidang syair ini?
4. Apakah pentas terbesar ataupun tertinggi yang pernah Encik libatkan diri?
5. Pernahkah Encik berkongsi pentas atau bekerjasama dengan orang – orang besar atau berpengaruh?
6. Adakah Encik menyediakan kelengkapan Encik sendiri ataupun Encik ada menerima sumbangan daripada mana – mana pihak?
7. Sepanjang penglibatan Encik dalam bidang ini, apakah kenangan yang tak dapat Encik lupakan?
8. Pada ketika itu, siapakah penyair yang paling tersohor?
9. Sepanjang Encik bergiat dalam bidang syair ini berapa jumlah karya yang telah Encik hasilkan?

## 5.0 Soalan Mengenai Harapan

1. Apakah cita – cita Encik yang masih belum tercapai?
2. Apakah harapan Encik terhadap seni syair ini?
3. Apakah perasaan Encik mengenai terdapatnya individu yang lupa akan seni syair ini?
4. Boleh Encik kongsi kesan penglibatan Encik dalam bidang ini keatas kehidupan Encik?
5. Apakah nasihat Encik terhadap mereka yang ingin menceburi bidang syair ini?
6. Apakah langkah terbaik yang perlu diambil bagi mereka yang berminat akan bidang ini?
7. Bagaimana Encik melihat masa hadapan bidang syair ini?

**Penutup:** *[rakam selepas temubual]*

Dengan ini tamatlah sesi temubual mengenai **pengalaman dan sumbangan Encik Roslan Madun sepanjang berkhidmat sebagai penyair Melayu dari 1987 sehingga 2023**. Kami mengucapkan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang **syair dan nyanyian** para penyelidik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

# SURAT PERJANJIAN



## UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya Roslina b. Maqsum K/P pada  
16.16.2023 dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Pengajian Sains Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (interviewee).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat:
  - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

(Nama tokoh Roslina b. Maqsum)  
Tarikh: 16.16.2023

(Nama Pensyarah: Nurulannisa Binti Abdullah)  
b.p. Penolong Naib Canselor  
Pengajian Sains Maklumat  
Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik  
dan Media  
Universiti Teknologi MARA (UiTM)

## LAMPIRAN GAMBAR



Gambar 1: Gambar penemubual bersama Encik Roslan Madun.





Gambar 2: Encik Roslan Madun ketika ditemubual.




Gambar 3: Lokasi temubual dijalankan di UMP, Gambang, Kuantan, Pahang.



Gambar 4: Antara koleksi album irama syair.



Gambar 5: Antara koleksi buku puisi tradisional yang diserap masuk di dalam silibus Pendidikan.



Gambar 6: Antara koleksi lagu karya Roslan Madun.



Gambar 7: Roslan Madun membuat persembahan nyanyian di Cyberjaya.



Gambar 9: Antara bengkel syair yang dianjurkan oleh Roslan Madun.



Gambar 8: Antara buku yang dikarang oleh Roslan Madun.

## SIJIL PENGHARGAAN



Gambar 10: Sijil penghargaan bagi program The International Contest of Folk Song Artist Voices of Ancient Cities Ryazan, Russia.



Gambar 11: Sijil penghargaan bagi program Wakon Seni Budaya di UKM.



Gambar 12: Sijil penghargaan di atas sumbangan dan penghasilan karya – karya di dalam sastera Tradisional tanah air di USIM.



Gambar 13: Watikah pengiktirafan “Legenda Lagu Rakyat” yang dianugerahkan daripada Persatuan Melodi Kenangan Artis dan Penggiat Seni Malaysia.



# INDEKS

## A

Adibah Chik, 29  
Ahmad Jais, 43, 44, 54, 71  
*Akademi Fantasia*, 54  
Akademi Syair, 35  
akhbar kanak – kanak, 24  
akhbar mingguan, 19, 23  
album, 18, 34, 38, 43, 45, 54, 56, 70, 71, 78  
Ali Badrud, 29  
Allah, ii, 9, 10, 13, 58, 68  
Allah SWT, 9, 68  
Aminah Binti Mokhtar, 8, 67  
Antarabangsa, 53  
Anwar Ridhwan, 58  
artikel, 3, 22, 57

## B

Balai Pelestarian Nilai Budaya, 40, 70  
Bangsar, 10  
Brunei, 33, 51, 79  
Budi Hayati, 4, 67  
Bugis, 6  
Buluh Kasap, 6  
buruh kasar, 19, 69

## C

Citrawarna Malaysia, 53  
*current issue*, 23

## D

Daik Lingga, 34, 70  
*dateline*, 24  
Dewan Bahasa, xii, 53, 57  
Dewan Bandaraya *Kuala Lumpur*, 54  
Diploma, 16, 48  
Doktor Shafa'atussara Silahudin, 38  
dominan, 33, 43, 56  
duta budaya, 27

## E

editor, 19, 21, 22, 24, 26

## F

Felo Perunding Seni Budaya, 51  
feqah, 58, 61  
festival, 37, 39, 40, 70, 78  
filem – filem Melayu, 11  
*freelance*, 20, 21  
*freelancer*, 20

## G

Gambang, v, xi, 2, 35, 67, 74  
genre, 18, 24, 40, 63, 69  
*Google*, 9, 19  
graduasi, 35  
*guide*, 23  
*guideline*, 23  
gurindam, 28, 58, 61  
guru besar, 5, 13

## H

Hajah Aminah, 29  
Haji Abdul Rahman, 6  
Haji Madun Bin Haji Syukor, 6, 67  
Hamilah, 7  
Harun, 12  
hiburan, 24, 69  
Hindustan, 9, 43

## I

Indonesia, 16, 33, 36, 37, 40, 45, 48, 51, 53, 56, 64, 70,  
71, 79  
industri, xi, 20  
*Institut Kesenian Jakarta*, 16, 69  
instrumen, 49

## J

*Jakarta*, 34, 52, 69  
Jamal Abdillah, 53, 71  
Jepun, 27, 55  
Johor, 6, 34

## K

Kamal Amir, 22, 69  
Kamal Amir Bin Kamal Hijjaz, 22, 69  
Kampung Ulu Dong, 5  
Karangkraf, 19, 21, 22, 23, 27, 69  
karya, xii, 14, 24, 25, 56, 58, 61, 68, 79  
*KBSR*, 21  
Kedah, 39  
Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan, 48  
kerajaan, 5, 16, 48, 52  
kerja sambilan, 18, 77  
khazanah warisan, 29  
*KL*, 9, 19, 21, 26, 37, 48, 53, 54  
Korea, 27  
*Kuala Lumpur*, 9, 19, 21, 26, 37, 48, 52, 54, 70  
*Kuantan*, v, xi, 2, 37, 67, 70, 74  
Kuching, 53

## L

Lagenda Lagu Rakyat, 48  
lagu rakyat, xi, 26, 32, 41, 42, 43, 48, 49, 52, 54, 63, 69,  
71, 73  
*Lauareate of II Degree*, 42  
*lejen*, 9

## M

M Nasir, 54  
madrasah, 6  
Maestro Syair, 48, 51  
majalah, 14, 15, 21, 23, 25, 68, 69  
majalah remaja, 23  
Malaysia, 29, 33, 37, 42, 45, 53, 63, 64  
Malaysian Association of Youth Club, 20  
Master, 16  
Mawi, 54, 71  
Media Seni, 21  
Melayu, xii, 29, 35, 58, 65, 73, 81  
mentor, 36, 38, 39, 55, 62, 70, 78  
Mohammed Rafi, 8, 43, 44, 68, 71  
musik, 41, 47, 49, 54

## N

nazam, 58, 61  
Nusantara, xi, 29, 37, 48

## O

optimis, 63  
orang sastera, 14, 15

organisasi, 24, 27, 48

## P

Pantun, 28  
Pen Earth Sdn Bhd, 21  
pendekar, 4  
pendendang syair, v, xii, 28  
pengerusi, 14  
penggiat seni, 26  
penyair, xii, 28  
Pensyarah Tamu, 51, 52  
Penyair, ix, 28, 77  
persatuan, 14, 39, 40, 48, 76  
Persatuan Bitara Syair Melayu Nusantara, 40, 70  
Pesta Buku Antarabangsa *KL*, 53  
Petaling Jaya, 21  
pondok, 5  
*Pop yeah yeah*, 18, 40, 63  
produk, 34  
*publisher*, 20, 21  
puisi, v, xi, xii, 14, 16, 28, 53, 57, 58, 71, 72  
puisi moden, 28, 53  
puisi tradisional, v, xi, xii, 28, 53, 57, 58, 71, 72

## R

Radio Republik Indonesia, 40, 70  
raja, 48, 53  
Raub, 5, 12, 18, 68  
*rebana*, 47, 54  
responden, 29, 46, 56  
*Riau*, 33  
Roslan Madun, ii, v, ix, xi, 2, 3, 8, 65, 67, 73, 74, 81  
Rusia, 41, 48, 52, 71  
Ryazan, 41, 48, 71

## S

sajak, xii, 14, 28, 68  
Sarawak, 53  
sastera, 15, 16, 32, 58  
Sayalah RM, 4, 67  
Segamat, 6  
sejarah, ii, 2, 4, 8, 42, 47, 74  
sejarah lisan, ii, 2, 74  
sekolah agama, 5, 12, 13, 14  
*sekolah Arab*, 12  
Sekolah Kebangsaan Durian Tawar, 11, 68  
sekolah rakyat, 5  
seloka, 28, 57, 58, 61  
Semenyih, ix, 9, 68  
Senayan, 52

Seni, ix, xii, 9, 21, 68  
seni budaya, 20, 33  
seni suara, 10, 68  
*senior*, 38  
Sentul, 10  
*series*, 37  
setiausaha, 14  
sihir, 12  
Singapura, 33, 37, 52, 53, 54, 70  
sistem, 15  
Siti Binti Badur, 7, 67  
Stencil, 15  
studio, 34  
Sumatera, 6, 29, 36, 37  
Sungai Pahang, 45, 47  
susur galur, 6  
syair, ii, v, xi, xii, 2, 8, 28, 29, 30, 31, 32, 33, 34, 35, 36,  
39, 40, 51, 52, 55, 56, 58, 59, 60, 61, 62, 63, 64, 65,  
69, 70, 71, 72, 73, 74, 77, 78, 79, 80, 81  
syair klasik, 30  
Syed Othman bin Syed Shir, 12, 68

## T

*Talent Time*, 42, 70  
*Tanjung Pinang*, 34, 37, 48  
teater, 37  
Temerloh, 5, 18, 42  
Tenun, 45  
terbit, 34, 56  
tok, 5, 6  
Tok Biyah, 4

tok guru, 6  
Tok Lanjut, 4  
Tok Tangguk, xi, 4, 5, 6, 7, 67  
Tok Tangguk Durian Tawar, xi, 4, 67  
Tok Tuan, 4  
tokoh, xi, xii, 2, 4, 25, 28, 29, 51, 62, 73, 74  
Tun Teja, 47

## U

universiti, 16  
Universiti Malaysia Pahang, v, xi, 2, 35, 67, 74  
Universiti Sumatera Utara, 36, 70  
Universiti Utara, 51  
Ustaz Mokhtar, 13

## W

wartawan, v, xi, 16, 19, 20, 21, 22, 23, 25, 26, 27, 41,  
69, 77  
wartawan bebas, 23  
Wisma Belia, 20, 21, 26, 27

## Y

Yamin Daud, 21  
*Yang di-Pertuan Agong*, 53, 71

## Z

zat, 9, 68